



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Laporan Tahunan*  
Pejabat Timbangan  
Naib Canselor  
( Penyelidikan dan Inovasi )



2021





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Laporan Tahunan*

Pejabat Timbalian

Naib Canselor

( Penyelidikan dan Inovasi )

2021

# EDITORIAL

## KETUA EDITORIAL

PROF. Ts. Dr. ARHAM BIN ABDULLAH

## EDITOR

PROF. IR. Ts. DR. AHMAD ZIAD BIN SULAIMAN

PROF. MADYA DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL

DR. ABDUL HAFIDZ BIN YUSOFF

PROF. MADYA DR. MOHD ASRUL HERY BIN IBRAHIM

PROF. MADYA IR. DR. JULIE JULIEWATTY BINTI MOHAMED

DR. SHAH ISKANDAR FAHMIE BIN RAMLEE

PROF. MADYA DR. WAN AHMAD AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL

DR. MUHAMMAD AKMAL BIN REMLI

DR. ANIS AMIRA BINTI AB RAHMAN

DR. MOHD SAFWAN BIN GHAZALI

Ts. DR. MARYANA BINTI MOHAMAD NOR

DR. ADAMS ADEIZA

DR. CH'NG HUCK YWIIH

ENCIK MOHD ASWAWI BIN ISA

## EDITOR BERSEKUTU

ENCIK RAJA AZLAN BIN RAJA ISMAIL

PUAN SITI AISAH BINTI YUSOP

ENCIK MUHAMAD HAFIZUDDIN BIN MAT NAWI

PUAN NUR ATHIRAH BINTI MAT YUSOFF

PUAN ALIFAH BINTI ADNAN

PUAN PUTERI NURAINUL BISMI BINTI JONDI

PUAN NOORAFNIE EDURA BINTI AB MANAF

ENCIK TUAN MOHD NIZAM BIN TUAN MUSTAPA

PUAN NIK AIDIL ADILA BINTI NIK YUSOF

PUAN NUR ROSAMIMIE FARISA BINTI MOHD ROSLAN

PUAN NOR SYAFAWATI BINTI ABD RAHMAN

CIK WAN NURHAYATI BINTI WAN YUSOFF

## FOTOGRAFI

ENCIK MOHAMAD FAIRUL HISYAM BIN SABARI

ENCIK AHMAD TAHIR BUKHARI BIN BUSTARY

## PEREKA

ENCIK YUSROYKA BIN KARIM

CIK ANIYA DHAIFINA BINTI ABDUL HADI

Hak Cipta PENERBIT UMK, 2022

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Diterbitkan oleh:

Penerbit UMK

Universiti Malaysia Kelantan

Dengan Kerjasama:

Pejabat Timbalan Naib Canselor

(Penyelidikan dan Inovasi)

Universiti Malaysia Kelantan

16300 Bachok, Kelantan.

## SETINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA

Kepada semua yang memberi idea dan sumbangan serta memberi kerjasama yang penuh dalam menjayakan buku ini. Semoga ianya menjadi kenangan indah dan inspirasi kepada semua.

# KANDUNGAN

BAB  
01

LATAR BELAKANG

TADBIR URUS

BAB  
02

BAB  
03

PENYELIDIKAN, PENERBITAN  
& HARTA INTELEK

KEUSAHAWANAN

BAB  
04

BAB  
05

PUSAT JARINGAN  
INDUSTRI

CREATIVE TECHNO PARK

BAB  
06

BAB  
07

AGRO TECHNO PARK

PUSAT KECEMERLANGAN  
PENYELIDIKAN

BAB  
08



# LET'S FLY TOGETHER

PROF. DATO' DR.  
NOOR AZIZI BIN ISMAIL

NAIB CANSELOR,  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



# *Humanising RICE @ UMK*

**PROF. TS. DR. ARHAM  
BIN ABDULLAH**

TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

BAB  
01

# LATAR BELAKANG

# PIAGAM PELANGGAN

## PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

Mengamalkan budaya perkhidmatan pengu-  
rusan penyelidikan yang berkualiti, cekap, dan  
amanah melalui sistem penyampaian yang  
teratur dan berkesan.


Membangun bakat penyelidikan yang profesional  
dan berkualiti yang mampu mencemerlangkan  
Universiti menjadi pusat penyelidikan yang  
bernilai komersial.

Meningkatkan kualiti dan aktiviti penyelidikan  
universiti yang mengukuhkan tujahan  
keusahawanan.

Memberi khidmat nasihat dan memudahkan  
hasil penyelidikan untuk pengkomersialan dan  
perlindungan harta intelek.

Menghasilkan penyelidikan yang relevan  
kepada komuniti dan industri serta  
mengukuhkan hubungan dengan pemegang  
taruh.

## PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)



### VISI

Penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial yang tinggi bagi tujuan pemindahan teknologi, penjanaaan, ejen pembangunan dalam negara dan antarabangsa serta peningkatan keusahawanan.

### MISI


Memacu Universiti ke arah kecemerlangan dalam usaha pengkomersialan hasil penyelidikan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

# UNIVERSITY FOR SOCIETY

## ENTREPRENEURIAL MINDSET

### UMK R.I.C.E ECOSYSTEM

- Research
- Innovation
- Commercialization
- Entrepreneurship





**Deputy Dean Research & Innovation**  
**A.G.E.N.T** of Change  
**Actively Generating Exceptional New Thinking**

---

**Office of Deputy Vice Chancellor**  
**(Research & Innovation)**



## POLISI DAN GARIS PANDUAN



## POLICIES RELATING TO TECHNOLOGY, INNOVATION & ENTREPRENEURSHIP



**STRUKTUR ORGANISASI  
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**



## PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)



**PUAN SITI AISAH BINTI YUSOP**  
TIMBALAN PENDAFTAR



**ENCIK MUHAMAD HAFIZUDDIN  
BIN MAT NAWI**  
PENOLONG PENDAFTAR



**PUAN SHARIFAH DUHAIJA  
BINTI SYED JAFFAR**  
SETIAUSAHA PEJABAT



**ENCIK MOHAMAD FAIRUL  
HISYAM BIN SABARI**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**ENCIK NOR HASLAM  
BIN WAHID**  
PEMBANTU OPERASI



**ENCIK SUHAIRI BIN  
CHE HASSAN**  
PEMANDU KENDERAAN

## PEJABAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (RMIC)

**PROF. IR. TS. DR. AHMAD ZIAD  
BIN SULAIMAN**  
PENGARAH KANAN



**PUAN SUHAILA BINTI  
ABD MANAN**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**NIK MOHAMMAD FAIZAL  
BIN NIK AZLAN**  
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)



**PUAN NUR ATHIRAH BINTI  
MAT YUSOFF**  
PENOLONG PENDAFTAR



**ENCIK MUHAMMAD HAFIZ  
BIN MOHD YANI**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



## BAHAGIAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMD)



**DR. ABDUL HAFIDZ BIN YUSOFF**  
PENGARAH



**ENCIK MOHD FAISAL BIN MOHD AZALAN**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



**CIK NURUL AIN NABILA BINTI MD. RASDI**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PSH)



**CIK NORAZWANIS AIDA BINTI FAUZI**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**PUAN NUR DIYANA BINTI SHAFIE**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**PUAN NOOR HAZWANI BINTI HASANUD-DIN**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**PUAN NOR MARINAH BINTI MUHAMAD**  
PEMBANTU TADBIR (P/O) (PSH)

## BAHAGIAN PENERBITAN DAN PENARAFAN (PRD)



**PROF. MADYA DR. MOHD ASRUL  
HERY BIN IBRAHIM  
PENGARAH**




**PUAN EIAP COON CHOON  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR**



**PUAN NUR HASALINI BINTI  
MOHD DIN  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PSH)**



**PUAN NURWAHIDA BINTI  
IBRAHIM  
PEMBANTU TADBIR (P/O)**



**CIK FARAH AMANINA BINTI  
MOHD. ZIN  
PEMBANTU PENYELIDIK**

## BAHAGIAN KOMERSILAN DAN HARTA INTELEK (ICD)



**PROF. MADYA IR. DR. JULIE  
JULIEWATTY BINTI MOHAMED  
PENGARAH**



**ENCIK SYED AHMAD AFIQ HASIF  
BIN SYED AB RAHMAN  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR**



**PUAN NOORAIDA FAZIELA BINTI  
AHMAD AMIN  
PEMBANTU TADBIR**



**ENCIK KHAIRUL AZHAN  
BIN ZAKRI  
PEMBANTU TADBIR (P/O)**



**PUAN FARAH BINTI ARIFFIN  
PEMBANTU TADBIR (P/O) (PSH)**

## PUSAT JARINGAN INDUSTRI UNIVERSITI (CUIC)

**DR. SHAH ISKANDAR FAHMIE  
BIN RAMLEE**  
PENGARAH



**PUAN TUAN ZAWINAH BINTI  
RAJA HAMAT**  
PEMBANTU TADBIR (P/O) KANAN



**PUAN NOORAFNIE EDURA  
BINTI AB MANAF**  
PENOLONG PENDAFTAR



**PUAN NUR NADIA ATIQA  
BINTI IZLI**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



# INSTITUT KEUSAHAWANAN UMK (UMKEI)

**PROF. MADYA DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL**  
PENGARAH KANAN



**DR. ANIS AMIRA BINTI AB RAHMAN**  
PENGARAH, INSTITUT  
PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHAN



**DR. MOHD SAFWAN BIN GHAZALI**  
PENGARAH, PUSAT PEMBANGUNAN  
DAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN



**DR. ADAMS ADEIZA**  
PENGARAH, PUSAT PENYELIDIKAN  
KEUSAHAWANAN DAN INOVASI GLOBAL

**PUAN ALIFAH BINTI ADNAN**  
TIMBALAN PENDAFTAR



**PUAN PUTERI NURAINUL BISMILATI BINTI JONDI**  
PENOLONG PENDAFTAR



**PUAN HASMA NOOR LINA BINTI MOHD HUSSAIN**  
SETIAUSAHA PEJABAT



**PUAN ZULFATI HAS BINTI MOHD ZIN**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



**PUAN NUR ISMIDAR BINTI IDRIS**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**PUAN NIK EMI ROSYaida BINTI RAJA NIK LAH**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



## AGRO TECHNO PARK (ATP)

**DR. CH'NG HUCK YWIH**  
PENGARAH



**ENCIK AHMAD SHAZRY BIN SUPII**  
PEGAWAI PERTANIAN KANAN



**ENCIK MOHAMAD SA'ARANI BIN  
MHD ZIN**  
PEGAWAI PERTANIAN



**ENCIK HILMAN HAMIDI BIN WAHID**  
PEGAWAI PERTANIAN



**ENCIK KAMARULZAMAN  
BIN SALAN**  
PEGAWAI PERTANIAN



## CREATIVE TECHNO PARK (CTP)

**ENCIK MOHD ASWAWI BIN ISA**  
PENGARAH



**ENCIK NORZIE HASLIZAM BIN  
MAT HASSAN**  
PEMBANTU TADBIR KANAN (P/O)



**PROF. MADYA DR. WAN MOHD FAIZAL  
BIN WAN ISHAK**  
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU



## PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (COE)

### PUSAT PENYELIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN INOVASI GLOBAL (GERIC)

**DR. ADAMS ADEIZA**  
PENGARAH



**DR. WAN MOHD NAZDROL BIN  
WAN MOHD NASIR**  
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU

**DR. JAYARAJ VIJAYA KUMARAN**  
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU



**PUAN NOR SYAFAWATI BINTI  
ABD RAHMAN**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR

**CIK NOOR HAZIRAH BINTI  
CHE HASAN**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**PUAN CHE ROSIDAH BINTI  
CHE DAUD**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)

## INSTITUT PENYELIDIKAN JAMINAN MAKANAN DAN PERTANIAN LESTARI (IFSSA)


**TS. DR. MARYANA BINTI  
MOHAMAD NOR**  
PENGARAH



**TS. DR. SUGANTHI A/P APPALASAMY**  
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU



**CIK WAN NURHAYATI BINTI  
WAN YUSOFF**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



**PUAN SITI ZUBAIDAH BINTI  
HAMZAH**  
PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK



**PUAN NURFATIHAH BINTI  
MOHD NASIR**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**ENCIK MOHD HAFIZI BIN MOHD ZAIN**  
PEMBANTU TAMAN



## INSTITUT PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN KEMISKINAN (INSPEK)

**PROF. MADYA DR. WAN AHMAD  
AMIR ZAL BIN WAN ISMAIL**  
PENGARAH



**PROF. MADYA DR. AZWAN  
BIN ABDULLAH**  
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU



**DR. NURHANAN BINTI ABDUL RAHMAN**  
KETUA BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
& AKADEMIK



**ENCIK TUAN MUHAMMAD ZUKRI  
BIN TUAN SEMBOK**  
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU



**SITI ASMA BINTI MD RASDI**  
PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL





**PUAN NUR ROSAMIMIE FARISA  
BINTI MOHD ROSLAN**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



**ENCIK HAFIZI BIN MAT SALLEH**  
PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL



**CIK NUR SYAFIKA AMIRA  
BINTI SHAARI**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**PUAN SITI NAJWA BINTI CHE HASIM**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)

## INSTITUT KEPINTARAN BUATAN DAN DATA RAYA (AIBIG)



**DR. MUHAMMAD AKMAL BIN REMLI**  
PENGARAH



**DR. HASIYIA KARIMAH BINTI ADLI**  
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU



**ENCIK KHAIRUL NIZAR SYAZWAN BIN  
WAN SALIHIN WONG**  
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU



**ENCIK TUAN MOHD NIZAM  
BIN TUAN MUSTAPA**  
PENOLONG PENDAFTAR KANAN



**PUAN NOR AKMA SHATILLA BINTI  
CHE AB HAMID**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**ENCIK MOHAMAD AZANIZAM  
BIN ALWI**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

BAB  
02

# TADBIR URUS

**LAPORAN PENCAPAIAN KPI**

## PETUNJUK PRESTASI JANUARI – DISEMBER 2021



## MINISTRY PERFORMANCE INDICATOR (MPI)

KPI	SASARAN 2021	CAPAI 2021	CATATAN
Pengiraan nisbah kumulatif sitasi	5	13.60 (5957)	Pencapaian semasa Berdasarkan kepada Jumlah sitasi ( 5,956 ) Staf akademik aktif ( 438 )

**OUTCOME – BASED BUDGET (OBB)**  
TERAS PENYELIDIKAN

KPI	SASARAN 2021	CAPAI 2021	CATATAN
Bilangan produk penyelidikan di komersialkan	3	4	Produk penyelidikan dikomersialkan: 1. Cuka 2. Halia hitam 3. Spirulina 4. Produk berasaskan buluh
Peratusan penyelidik utama (PI) dalam geran penyelidikan	65%	66%	Jumlah PI adalah 289 dan jumlah staf akademik aktif mengikut Glosari MyRA adalah 438 orang
Bilangan pingat emas/khas dimenangi dalam pertandingan inovasi	15	95	Jumlah pingat emas sebanyak 76 manakala anugerah khas sebanyak 19.
Bilangan penerbitan artikel dalam jurnal dan prosiding berindeks WoS/SCOPUS	300	635 (1.45)	Jumlah penerbitan adalah sebanyak 634 manakala jumlah staf akademik aktif mengikut glosari MyRA adalah seramai 438 orang. Data adalah sehingga 21 Disember 2021.

## OUTCOME – BASED BUDGET (OBB)

### TERAS KEUSAHAWANAN

KPI	SASARAN 2021	CAPAI 2021	CATATAN
Bilangan pengiktirafan dan penganugerahan keusahawanan di peringkat kebangsaan/ antarabangsa	3	7	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akreditasi ACEEU</li> <li>• Zulhilmi Mohd Sidek - ABYA LEAP</li> <li>• Tuan Muhammad Muiz T. Nordin – CTREX2021</li> <li>• Dr. Nurul Ashykin binti Abd Aziz (MFA 2021)</li> <li>• Anugerah Keusahawanan KPT</li> <li>• Anugerah Rancangan Perniagaan Terbaik (Dinamik IQ)</li> <li>• Prof Raja Suzana (MYMalaysia Entrepreneurship Education Excellence Award)</li> </ul>
Peratusan (Bilangan) Usahawan Pelajar (SE)	17%	17%	1701 usahawan pelajar 793 syarikat siswa university (SSU)
Peratusan (Bilangan) Usahawan Graduan (GE)	13%	9.7%	187 Graduan Usahawan 1936 responden Berdasarkan data SKPG 1.0 31 Disember 2021. Peratusan GE adalah belum muktamad. Data akan sentiasa berubah sehingga SKPG ditutup secara rasminya pada 22 Februari 2022.
Bilangan kajian kes/ penyelidikan keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran	15	17	9 Kajian Kes UniLEEB (ISME) 8 Kajian kes IJECS (GERIC)
Peratusan (Bilangan) kepakaran tenaga pengajar/ pembimbing keusahawanan	25%	23.6%	-

## KECEMERLANGAN SUMBER MANUSIA

### KENAIKAN PANGKAT

Tahun 2021 mencatatkan beberapa staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah berjaya dinaikkan pangkat yang terdiri daripada staf bukan akademik dan staf yang menjawat jawatan giliran sepertimana berikut:

	Staf	Jawatan Asal	Jawatan Baharu
<b>Jawatan Giliran</b>			
 <p><b>Tahniah</b>  <b>PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD</b>                  Atas pelantikan sebagai  <b>TIMBALAN NAIB CANSOLOR</b>                  (Akademik dan Antarabangsa)                  UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN                  Berkuatkuasa                  15 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2024</p>	Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad	Pengarah, Institut Keusahawanan UMK	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 <p><b>Sekalung Tahniah</b>  <b>PROF. MADYA DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL</b>                  atas pelantikan sebagai  <b>PENGARAH KANAN</b>                  INSTITUT KEUSAHAWANAN                  UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMKEI)                  berkuatkuasa 01 JULAI 2021                  sehingga 31 DESEMBER 2022</p>	Prof. Madya Dr. Mohammad bin Ismail	Pengarah, Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan	Pengarah Kanan, Institut Keusahawanan UMK

 <p><b>SEKUTUP Tahniah</b> KEPADA <b>PROF MADYA DR MOHD ASRUL HERY BIN IBRAHIM</b> BIDANG PENANJAKAN PANGKAT KEJAWATAN <b>PROFESOR MADYA</b> BERGUNA/BUKA MELAI 08 NOV 2021</p> <p><small>Orang Pusat Pengajian Penyelidikan dan Inovasi (OPIIC) Pusat Inovasi dan Penyelidikan (PIPP) (Perangkaan &amp; Inovasi) Universiti Malaysia Kelantan</small></p>	<p>Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Hery bin Ibrahim</p>	<p>Pensyarah Kanan</p>	<p>Profesor Madya</p>
<b>Staf Bukan Akademik</b>			
 <p><b>SEKUTUP Tahniah</b> <b>PUAN SITI AISAH BINTI YUSOP</b> atas kecapaian pangkat sebagai <b>TIMBALAN PENDAFTAR N48</b></p> <p><small>Terdapat di Pejabat Tadbir dan Penyelidikan Perangkaan dan Inovasi Universiti Malaysia Kelantan</small></p>	<p>Siti Aisah binti Yusop</p>	<p>Penolong Pendaftar Kanan (N44)</p>	<p>Timbalan Pendaftar (N48)</p>
 <p><b>SEKUTUP Tahniah</b> <b>ENCIK MOHAMAD SA'ARANI BIN MHD ZIN</b> atas kecapaian pangkat sebagai <b>PEGAWAI PERTANIAN KANAN G44</b></p> <p><small>Terdapat di Pejabat Tadbir dan Penyelidikan Perangkaan dan Inovasi Universiti Malaysia Kelantan</small></p>	<p>Mohammad Sa'arani bin Mhd Zin</p>	<p>Pegawai Pertanian (G41)</p>	<p>Pegawai Pertanian Kanan (G44)</p>

# 29 LAPORAN TAHUNAN PEJABAT TNCPI 2021

## BAB 2 TADBIR URUS

 <p><i>Sekelompok Tahniyah</i></p> <p><b>ENCIK TUAN MOHD NIZAM BIN TUAN MUSTAPA</b></p> <p>atau kerabatnya, yang bertugas sebagai:</p> <p><b>PENOLONG PENDAFTAR KANAN N44</b></p> <p>Dirinya Pejabat Tambahan Naib Canselor Pembudayaan dan Inovasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur</p>	<p>Tuan Mohd Nizam bin Tuan Mustapa</p>	<p>Penolong Pendaftar (N41)</p>	<p>Penolong Pendaftar Kanan (N44)</p>
 <p><i>Sekelompok Tahniyah</i></p> <p><b>PUAN HASMA NOOR LINA BINTI MOHD HUSSAIN</b></p> <p>atau kerabatnya, yang bertugas sebagai:</p> <p><b>SETIAUSAHA PEJABAT N32</b></p> <p>Dirinya Pejabat Tambahan Naib Canselor Pembudayaan dan Inovasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur</p>	<p>Hasma Noor Lina binti Mohd Hussain</p>	<p>Setiausaha Pejabat (N29)</p>	<p>Setiausaha Pejabat (N32)</p>

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2020

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UMK 2020 telah diadakan pada 23 Ogos 2021 secara virtual. Seramai 4 orang staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.


Diharapkan dengan kejayaan ini, akan menjadi motivasi bagi meningkatkan prestasi kerja untuk lebih cemerlang pada masa hadapan.



## JAWATANKUASA PENGURUSAN PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA PEJABAT TNCPI

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) amat komited dan menitikberatkan isu-isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja. Sepanjang tahun 2021, Jawatankuasa Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja telah bersidang sebanyak 4 kali tanpa gagal sepertimana berikut:

Tarikh	Perkara
13 Januari 2021	Mesyuarat JKPPKKP Bil 1/2021
15 April 2021	Mesyuarat JKPPKKP Bil 2/2021
1 Ogos 2021	Mesyuarat JKPPKKP Bil 3/2021
25 Oktober 2021	Mesyuarat JKPPKKP Bil 4/2021



Peningkatan dalam audit fail dan pemeriksaan tempat kerja dari tahun 2017 – 2021 amat membanggakan. Berikut adalah markah yang diperolehi sepanjang tahun 2021:

Tarikh	Perkara	Markah
13 Januari 2021	Audit Fail dan Pemeriksaan Tempat Kerja Bil 1/2021	95% (A)
15 April 2021	Audit Fail dan Pemeriksaan Tempat Kerja Bil 2/2021	98% (A)
5 September 2021	Audit Fail dan Pemeriksaan Tempat Kerja Bil 3/2021	96% (A)
29 November 2021	Audit Fail dan Pemeriksaan Tempat Kerja Bil 4/2021	93% (A)
Markah Purata 2021		96% (A)

Pelbagai inisiatif telah dijalankan dalam memastikan isu-isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja di bawah Pejabat TNCPI menjadi keutamaan antaranya:

## Webinar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)

Program ini telah diadakan pada 10 Februari 2021 dan telah disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Kelantan iaitu YBrs. Encik Mohd Kudzi Hamat (Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera Kanan) secara atas talian dan telah dihadiri lebih daripada 180 orang. Tujuan Webinar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan, kesedaran seterusnya memupuk amalan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di tempat kerja.



## TNCPI CARES

TNCPI CARES adalah satu platform yang diperkenalkan pada tahun 2021 bertujuan untuk menyampaikan hebahan dalam memberi kesedaran dan pengetahuan kepada semua warga staf Pejabat TNCPI tentang kepentingan ilmu berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Setiap hari Ahad pada setiap minggu sepanjang tahun pelbagai isu hebahan yang dikeluarkan menyentuh isu semasa berkaitan keselamatan dan kesihatan yang berlaku di Malaysia. Sebanyak 49 hebahan telah dikeluarkan sepanjang tahun 2021. Antara hebahan yang telah dikeluarkan sepertimana berikut:

**TINDAKAN SEMASA BANJIR**

48/2021

PATUHI ARAHAN BERPINDAH YANG DIKELUARKAN OLEH PIHAK BERKUASA

"UTAMAKAN KESIHATAN, BERTINDAKLAH DENGAN SEGERA"

- MINUM AIR TERAWAT
- ELAKKAN MAKAN MAKANAN MENTAH
- JIKA MAKAN BUAH, KUPAS KULITNYA
- LARANG KANAK-KANAK BERMAIN BANJIR
- JAGA KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN MAKANAN
- DAPATKAN PELALIAN UNTUK PENGENDALI MAKANAN
- BALUT LUKA JIKA CEDERA
- TANGANI STRES DENGAN BIJAK
- DAPATKAN RAWATAN SEGERA JIKA DEMAM, CIRIS BIRIT DAN MUNTAH

JAGA KEBERSIHAN DIRI DAN KAWASAN SEKELILING.

#TNCPIKONGSIINFO #PEJABATTNCPI #HEALTHBYTNCPI #PERLUTAHU #HEALTHYWARENESS

**PERSIAPAN SEBELUM BANJIR**

48/2021

PATUHI ARAHAN BERPINDAH YANG DIKELUARKAN OLEH PIHAK BERKUASA

"UTAMAKAN KESIHATAN, BERTINDAKLAH DENGAN SEGERA"

**WANITA DAN IBU HAMIL**

Bersedia perkara - perkara berikut:

- Buku rekod kesihatan ibu
- Keprian peribadi (cth: tusuk wanita)
- Keprian bayi/anak
- Bekalan ubat

Ibu hamil yang hamil berbulan-bulan dinasihatkan supaya pihak kesihatan.

**PESAKIT KRONIK YANG SEDANG MENDAPATKAN RAWATAN**

Bersedia perkara - perkara berikut semasa berpindah:

- Buku rekod perubatan
- Keprian peribadi
- Bekalan ubat

**AHLI KELUARGA PESAKIT YANG TERLANTAR (BED RIDDEN) DAN PESAKIT HAEMODIALISIS**

Anda dinasihatkan untuk memandatkan pesakit berkenaan dan menghubungi pihak pejabat kesihatan untuk khidmat nasihat selanjutnya.

#TNCPIKONGSIINFO #PEJABATTNCPI #HEALTHBYTNCPI #PERLUTAHU #HEALTHYWARENESS

**TINDAKAN SELEPAS BANJIR**

48/2021

PATUHI ARAHAN BERPINDAH YANG DIKELUARKAN OLEH PIHAK BERKUASA

"UTAMAKAN KESIHATAN, BERTINDAKLAH DENGAN SEGERA"

- Semasa banjir - berjaja pemindahan, pakai alat perlindungan diri seperti alat getah, sarung tangan dan penutup mata (goggles)
- Selapas banjir - berjaja pemindahan, bersihkan diri dengan sempurna.
- Bersihkan peralatan rumah, longgok, longgok, mangkuk dan peralatan yang dicemarkan air banjir dengan air bersih dan bahan pencuci.
- Lepaskan sampah dan sampah beracun dengan cara yang betul.
- Bersihkan bilik pembekuan, dapur, bilik dan ruang.
- Segera dapatkan rawatan sekiranya anda mempunyai demam, sakit - sakit, muntah, ulser - (di).

Bersihkan kawasan di DALAM dan SEKITAR RUMAH ANDA :


#TNCPIKONGSIINFO #PEJABATTNCPI #HEALTHBYTNCPI #PERLUTAHU #HEALTHYWARENESS

TNCPI CARES juga bergerak aktif dalam menyampaikan sumbangan kepada staf Pejabat TNCPI yang ditimpa musibah seperti dijangkiti Covid-19, sakit dan terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sepanjang tahun 2021.



## Kempen Pemeriksaan Kesihatan

Pejabat TNCPI telah memastikan semua staf yang berumur 35 tahun ke atas untuk membuat pemeriksaan kesihatan. Kempen pemeriksaan kesihatan telah diadakan untuk memberi kesedaran kepada staf melalui hebahan di platform TNCPI CARES.



**Kempen  
Pemeriksaan  
Kesihatan**


**ADAKAH ANDA...**

- 1 STAF PEJABAT TNCPI YANG BERUMUR 35 TAHUN KE ATAS?
- 2 BELUM MENJALANKAN PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI TAHUN 2021?

**JIKA ANDA MEMENUHI KRITERIA DI ATAS, SILA JALANI PEMERIKSAAN KESIHATAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI (PKU) SELEWAT-LEWATNYA FEBRUARI 2021**

Staf yang hadir pemeriksaan akan dinilai melalui Audit Jawatankuasa Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Induk

#TNCPIKONGOSINFO #PEJABATTNCPI #HEALTHBYTNCPI #PERLUTAHU #HEALTHYWARENESS



**Kempen  
Pemeriksaan  
Kesihatan**

**ADAKAH ANDA...**

- 1 STAF PEJABAT TNCPI YANG BERUMUR 35 TAHUN KE ATAS?
- 2 BELUM MENJALANKAN PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI TAHUN 2021?

**JIKA ANDA MEMENUHI KRITERIA DI ATAS, SILA JALANI PEMERIKSAAN KESIHATAN SELEWAT-LEWATNYA FEBRUARI 2021**

Saya sudah, anda bila lagi? Jom jalani pemeriksaan kesihatan di PKU bagi yang berumur 35 tahun ke atas

Staf yang hadir pemeriksaan akan dinilai melalui Audit Jawatankuasa Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Induk

#TNCPIKONGOSINFO #PEJABATTNCPI #HEALTHBYTNCPI #PERLUTAHU #HEALTHYWARENESS

## Program Sihat bersama TNCPI

Program Sihat Bersama TNCPI diperkenalkan mulai tahun 2021 untuk mengeratkan dan mengukuhkan hubungan dan ukhwa sesama staf Pejabat TNCPI. Sebanyak 2 siri Program Sihat Bersama TNCPI telah diadakan melibatkan aktiviti senam robik, zumba, berbasikal dan berkayak.

Tarikh	Perkara	Aktiviti
26 Oktober 2021	Program Sihat Bersama TNCPI Bil 1/2021	Zumba, berbasikal dan berkayak
14 November 2021	Program Sihat Bersama TNCPI Bil 2/2021	Senam robik, berbasikal ke pantai dan majlis kesyukuran staf

**PROGRAM Sihat bersama TNCPI**

**TARIKH:**  
 26 OKTOBER 2021  
 (SELASA)  
**MASA:**  
 8.45 PAGI

**AKTIVITI:**

- Senam Robik
- Berkayak
- Berbasikal

**Hadapan Tamu Waris**      **Pakaian : Pakaian Sukan**



## PENERBITAN 2021

### UMK RESEARCH INFOLINK 2021

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah menerbitkan sebanyak 4 buletin pada tahun 2021 secara konsisten bermula tahun 2017 lagi. Ini merupakan satu komitmen yang telah ditunjukkan dalam memastikan segala aktiviti dan pencapaian dapat disebar kepada semua pihak.

#### UMK RESEARCH INFOLINK 2021



EDISI 16



EDISI 17



EDISI 18



EDISI 19

**BELANJA MENGURUS 2021**

KUMPULAN WANG MEGURUS PEJABAT TNCPI	
	2021
	RM
Pendapatan:	
Pemberian Kerajaan	
- Peruntukan Asal	975,000.00
- Pindaan peruntukan	(194,600.00)
Tolak : Perbelanjaan	
Vot 14000	1,917.89
Vot 21000	53,009.66
Vot 23000	560.00
Vot 24000	23,766.00
Vot 25000	1891.30
Vot 26000	2,367.10
Vot 27000	142,218.43
Vot 28000	44,286.17
Vot 29000 COE	393,637.61
Jumlah	663,654.16
Baki pada 15 Disember 2021	116,745.84

Perbelanjaan mengurus bagi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sehingga 15 Disember 2021 merekodkan perbelanjaan sebanyak RM663,654.16.

Jumlah perbelanjaan adalah termasuk agihan peruntukan kepada empat (4) Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (COE) sebanyak RM200,000.00 pada Januari 2021.

Setakat 15 Disember 2021, dicatatkan baki peruntukan sebanyak RM116,745.84 dan lebihan ini akan diakrukan dan digunakan bagi tujuan pembayaran bil-bil berkala pada Januari 2022.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

BAB  
**03**

# **PENYELIDIKAN, PENERBITAN & HARTA INTELEK**

## PENYELIDIKAN

### GERAN PENYELIDIKAN 2017-2021



Sumber: Data Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

### PENCAPAIAN GERAN PENYELIDIKAN 2017-2021

Jumlah peruntukan penyelidikan yang diperolehi pada tahun 2017 adalah sebanyak RM3,214,023 dan meningkat pada tahun 2018 iaitu sebanyak RM4,469,944. Tahun seterusnya juga mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak RM7,409,370.00 pada tahun 2019 dan RM8,156,080.90 pada tahun 2020. Bagi tahun 2021, Universiti Malaysia Kelantan telah berjaya memperoleh sebanyak 141 projek penyelidikan baharu yang memberikan jumlah keseluruhan geran sebanyak RM8,399,212.85. Peningkatan jumlah geran diterima pada setiap tahun bermula tahun 2017 ini adalah didorong oleh inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) bagi mencapai seterusnya melebihi sasaran Key Performance Indicator (KPI) yang telah ditetapkan. Projek penyelidikan ini dibahagikan kepada empat (4) kategori pembiayaan/ dana iaitu geran kerajaan, geran swasta/ luar, geran dalaman (UMK) dan geran antarabangsa.

### PECAHAN DANA/ GERAN PENYELIDIKAN TAHUN 2021

Berikut merupakan Senarai Keseluruhan Geran Penyelidikan UMK Tahun 2021 seperti Jadual 1 serta Pecahan Jumlah Geran dan Peruntukan (RM) Penyelidikan UMK Tahun 2021 seperti Jadual 2:

Bil.	Geran	Jumlah geran	Jumlah Peruntukan (RM)
1	Geran Kerajaan	23	3,143,370.00
2	Geran Swasta/ Luar	3	89,700.00
3	Geran Dalaman	111	4,799,600.00
4	Geran Antarabangsa	4	366,542.85
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>8,399,212.85</b>

Jadual 1: Senarai Keseluruhan Geran Penyelidikan UMK Tahun 2021

# 41 LAPORAN TAHUNAN PEJABAT TNCPI 2021

## BAB 3 PENYELIDIKAN, PENERBITAN & HARTA INTELEK

Bil.	Jenis Geran	Jumlah Geran	Jumlah Geran (RM)
<b>Geran Kerajaan</b>			
1	Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP)	1	100,000.00
2	PRGS Fasa 1/2021	2	394,670.00
3	FRGS 2021	17	1,494,200.00
4	JAHEIK	1	30,000.00
5	Yayasan Inovasi Malaysia	1	65,000.00
6	Penjana KPT-Pace	1	1,059,500.00
<b>Geran Swasta/ Luar</b>			
7	PPRN	1	47,500.00
8	Tabung Penjagaan Sungai Kebangsaan (NRCF)	1	5,000.00
9	Agrobank	1	37,200.00
<b>Geran Dalaman</b>			
10	UMK-NICE	16	96,000.00
11	UMK-MATCH	6	100,000.00
12	UMK-COM	15	200,000.00
13	UMK Rising Star	17	290,000.00
14	UMK-FUND	44	450,000.00
15	UMK-PRO	11	220,000.00
16	Dana Keusahawanan UMK	2	3,443,600.00
<b>Geran Antarabangsa</b>			
17	Malaysian Toray Science Foundation	1	12,000.00
18	US Embassy	1	222,528.37
19	Bat Conservation International	1	12,371.92
20	Erasmus	1	119,642.56
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>141</b>	<b>8,399,212.85</b>

Jadual 2: Pecahan dan Jumlah Geran (RM) Penyelidikan UMK Tahun 2021

**PENCAPAIAN PENYELIDIKAN BERIMPAK TINGGI**

**Tahniah**  
 Ketua dan Pasukan Penyelidik Pentadbiran,  
 dan Penyelidik Bersama Akademik

**RM91,000**  
 JUMLAH PERUNTUKAN

**STAF PENTADBIRAN**  
 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
 atas kejayaan memperolehi geran

**UMK-NICE**  
 UMK NON-ACADEMICIAN  
 RESEARCH FOR  
 INNOVATION AND  
 CREATIVITY  
 ENHANCEMENT

Daripada:  
 Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah  
 Universiti, Naib Canselor, Ahli Senat  
 dan seluruh Warga UMK

Sumber: Bahagian Pengurusan Penyelidikan, RMC  
 Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Entrepreneurship  
 our Thrust

Kita  
 BinaLegasiUMK  
 Bersama

#WeAreUKFamily  
 #OneUMKOneDream  
 #NothingIsImpossible

**15 STAF PENTADBIRAN DIANUGERAHKAN GERAN PENYELIDIKAN UMK-NICE**

Antara inisiatif yang diambil oleh Bahagian Pengurusan Penyelidikan dalam membudayakan aktiviti penyelidikan di UMK adalah dengan menawarkan Skim Geran Penyelidikan kepada Staf Pentadbiran (UMK-NICE). Skim Geran Penyelidikan ini disediakan khusus untuk Staf Pentadbiran yang berkhidmat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melibatkan penyelidikan asas yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baharu terutama dalam konteks memberi nilai tambah (value added) dan kecemerlangan bukan hanya dalam urus tadbir Universiti malah merangkumi pemantapan dalam pembangunan Modal Insan UMK. Staf yang menerima geran ini boleh menjadikan ia sebagai salah satu skop tugas hakiki dan penilaian sasaran kerja tahunan (SKT). Skim geran ini telah dibuka untuk permohonan pada 4 hingga 26 November 2020 yang lepas melalui sistem RMS. Setiap permohonan telah dinilai oleh penilai yang dilantik dan Ketua Projek perlu membentangkan projek tersebut ke Jawatankuasa Penilai UMK-NICE. Skim geran ini telah menarik minat ramai staf daripada pelbagai jawatan untuk memohon dan daripada 54 permohonan yang diterima, seramai 15 orang pentadbir telah dianugerahkan geran tersebut.

**KEJAYAAN MENDAPATKAN GERAN PROJECT PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) 2.0 FASA 1/2021**

Antara kejayaan yang dicapai oleh penyelidik di UMK adalah berjaya memperoleh Geran Project Public-Private Research Network (PPRN) 2.0 Fasa 1/2021. Melalui Bengkel Taklimat Permohonan PPRN 2.0 yang telah dianjurkan oleh RMD pada 17 Mac 2021, sebanyak 4 projek telah dikenalpasti berpotensi untuk memohon geran tersebut. Setelah melalui proses penilaian dan pemurniaan, empat (4) projek ini telah dihantar ke KPT dan daripada jumlah tersebut, sebanyak dua (2) projek telah disenarai pendek untuk pembentangan. KPT telah meluluskan satu (1) projek penyelidikan yang diketuai oleh Dr. Khairiyah Binti Mat daripada Fakulti Industri Asas Tani dengan jumlah peruntukan sebanyak RM47,500. Projek penyelidikan ini diharapkan mampu untuk memberi manfaat kepada penyelidik dan pihak industri di samping membantu menyelesaikan permasalahan yang dialami oleh industri berkenaan.

**Tahniah**

Diatas kejayaan mendapatkan  
**GERAN PROJECT PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) 2.0 FASA 1/2021**

Tajuk projek: High Quality Poultry Feed Formulated using Local Ingredients  
 Rakan Industri: Syarikat Konsortium Industri Kecil Sederhana Sdn Bhd  
 JUMLAH PERUNTUKAN RM 47,500.00

Daripada  
 Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti,  
 Ahli Senat dan seluruh Warga Universiti Malaysia Kelantan

**DR. KHAIIRYAH BINTI MAT**  
 Timbalan Dekan  
 (Penyelidikan Dan Inovasi)  
 Fakulti Industri Asas Tani



**KEJAYAAN MEMPEROLEHI SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP (PRGS) FASA 1 TAHUN 2021**

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menghantar sebanyak tujuh (7) permohonan di bawah Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) Fasa 1 Tahun 2021 ke Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Setelah penilaian dan pertimbangan permohonan PRGS dilakukan, KPT telah memperakukan dua (2) projek penyelidikan dengan jumlah peruntukan RM394,670.00. Sebanyak RM262,670.00 diperuntukan kepada projek bertajuk “Development of Total Mixed Ration Pellets using Local Feed Resources for Enhancing the Lactating, Pre-Weaning and Post-Weaning Performances of Dairy Goats” yang diketuai oleh Ts. Nor Dini binti Rusli dari Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan baki RM132,000.00 adalah diperuntukan kepada projek bertajuk “The Prototype of Stress Level Measurement Scale for Nursing Home Staff (SeLeM-NeS) in Malaysia” yang diketuai oleh Dr. Hasif Rafidee bin Hasbollah dari Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK). Sekalung tahniah diucapkan kepada para penyelidik yang berjaya dalam permohonan PRGS Fasa 1 Tahun 2021.

**KERJASAMA MENJALANKAN PENYELIDIKAN LAPANGAN ANTARA UMK-JAHEAIK**

Prof. Madya Dr. Nik Yusri bin Musa dari Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) telah berjaya mendapatkan kerjasama untuk menjalankan penyelidikan lapangan antara Universiti Malaysia Kelantan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (UMK-JAHEAIK) bagi kajian bertajuk Orientasi Pemikiran



dan Pendidikan Institusi Pondok di Kelantan dan Kesannya Kepada Pola Pemikiran dan Pengamalan Syariat di Kalangan Masyarakat dengan jumlah peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM30,000.00

**PENGHASILAN "PATTY" BERASAKAN CENDAWAN TIRAM KELABU BERJAYA MENDAPATKAN DANA DARIPADA MAFI**

Penghasilan “Patty” Berasakan Cendawan Tiram Kelabu bagi Program Pembangunan Produk yang dihasilkan oleh Ts. Dr. Maryana binti Mohamad Nor dan Dr. Noor Hafizoh binti Saidan dari Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) telah berjaya memperolehi dana daripada Kementerian



Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang berjumlah sebanyak RM20,000.00. Tahniah kepada para penyelidik atas kejayaan ini yang menyumbang kepada peningkatan penyelidikan di UMK.

**PENTADBIR UMK MENERIMA GERAN PEMBANGUNAN PRODUK INOVASI MAGRIS 2021**



Encik Muhammad Najibul Muthie bin Che Yaacob, Pereka di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan dengan produk Blok Batik Boleh Ubah 'Pointillism' telah terpilih menjadi antara 10 penerima Geran Pembangunan Produk Inovasi Program "Mainstreaming Grassroots Innovation" (MaGRIs) 2021, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) daripada lebih 300 penyertaan dari seluruh Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM65,000.00. Tahniah diucapkan kepada beliau di atas sumbangan terhadap peningkatan penyelidikan di UMK yang berterusan dan membuktikan bahawa Pentadbir turut mampu berjaya dalam penyelidikan dan inovasi.

**DUA (2) PROJEK BERIMPAK TINGGI BERJAYA MEMPEROLEHI DANA KEUSAHAWANAN UMK BERJUMLAH RM3,443,600.00**

Ts. Dr. Maryana binti Mohamad Nor dan pasukan penyelidik Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA) telah berjaya memperolehi geran penyelidikan keusahawanan berjumlah RM2,450,000.00 bagi projek Innovation and Entrepreneur Incubator Complex (IEIC). Projek ini merupakan projek pembangunan industri di dalam universiti (industry@umk) bagi menyokong ekosistem RICE di UMK. Pusat ini nanti akan menjadi 'One Stop Centre' untuk projek-projek yang melibatkan ujian, analisis dan pensijilan yang melibatkan industri herba, halal, mineral, logam dan emas di negeri Kelantan khususnya dan di Malaysia secara amnya.



Manakala Chm. Ts. Dr. Abdul Hafidz bin Yusoff dan pasukan berjaya memperolehi dana keusahawanan berjumlah RM993,600.00 untuk pembangunan projek Gold Rare Earth and Material Technopreneurship Centre (GREAT) bagi pengujian, analisis, verifikasi dan penghasilan produk berasaskan emas yang ditambah nilai (upstream and downstream). Kerajaan Negeri Kelantan melalui Menteri Besar Kelantan juga telah menjadikan UMK sebagai hub penyelidikan dan Pusat Verifikasi Emas bagi Negeri Kelantan yang mana setiap pelabur emas yang bercadang untuk membuka lombong emas di negeri Kelantan perlu melalui Pusat ini sebelum diberikan kebenaran untuk melombong. Melalui projek ini juga, UMK akan mempunyai pusat jualan emas bagi aktiviti keusahawanan/pengkomersialan dan sebagai pusat sehati verifikasi kualiti emas di Malaysia.



**17 PROJEK PENYELIDIKAN DIPERAKUKAN BAGI PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS) FASA 1 TAHUN 2021**

Sebanyak 141 permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1 Tahun 2021 dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah dihantar ke Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Penilaian dan pertimbangan terhadap permohonan FRGS Fasa 1 Tahun 2021 telah dijalankan oleh KPT dan sebanyak 17 projek penyelidikan telah diperakukan dengan peruntukan sebanyak RM1,494,200.00. Tahniah kepada semua penyelidik yang berjaya dalam permohonan FRGS Fasa 1 Tahun 2021.



**KEJAYAAN MEMPEROLEHI DANA DARI TORAY SCIENCE FOUNDATION JAPAN**

Dua (2) penyelidik dari Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) iaitu Dr. Tan Li Peng dan Dr. Ruhil Hayati Binti Hamdan telah berjaya memperolehi dana Year 2021 MTSF Science & Technology Research Grant sebanyak RM12,000.00 daripada Toray Science Foundation Japan bagi projek penyelidikan Protein Communication of Entomopathogenic Fungus Metarhizium anisopliae with the Insect Host Aedes spp. during Infection. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat atas kejayaan ini.



**KEJAYAAN MEMPEROLEH GERAN DANA TABUNG PENJAGAAN SUNGAI KEBANGSAAN (NRCF)**

Dr. Nor Shahirul Umirah Idris dari Fakulti Sains Bumi telah berjaya memperolehi Geran Dana Tabung Penjagaan Sungai Kebangsaan (NRCF) dengan peruntukan berjumlah RM5,000.00. Diharapkan projek ini akan menghasilkan impak yang tinggi serta manfaat kepada Universiti dan masyarakat.

**31 PROJEK PENYELIDIKAN DIPERAKUKAN BAGI PERMOHONAN UMK-COM, UMK-PRO DAN UMK-MATCH**

Skim geran UMK-MATCH, UMK-COM dan UMK-PRO ini diwujudkan bagi memberi pendedahan penyelidikan kepada kakitangan akademik dalam usaha memupuk dan membina keupayaan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menyokong aktiviti penyelidikan jangka pendek dalam bidang yang bersesuaian untuk tujuan pengajaran. RMD telah menerima sebanyak 129 permohonan bagi ketiga-tiga geran tersebut dan telah memperakukan 31 projek penyelidikan yang memenuhi kriteria permohonan dan pemarkahan dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00. Sekalung tahniah diucapkan kepada penyelidik yang berjaya dan diharapkan projek ini mampu menghasilkan impak yang tinggi kepada Universiti, industri dan masyarakat.

**Tahniah**  
 PASUKAN PENYELIDIK  
 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
 ATAS KEJAYAAN MEMPEROLEH  
**RM 200,000.00**

**UMK PROTOTYPE RESEARCH GRANT (UMK-PRO) 2021**


Daripada: Bahagian Pengurusan Penyelidikan, IMC Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Tahniah**  
 PASUKAN PENYELIDIK  
 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
 ATAS KEJAYAAN MEMPEROLEH  
**RM 200,000.00**  
 UMK COMMUNITY IMPACT RESEARCH  
 GRANT (UMK-COM) 2021

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Daripada: Bahagian Pengurusan Penyelidikan, IMC Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Tahniah**  
 PASUKAN PENYELIDIK  
 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
 ATAS KEJAYAAN MEMPEROLEH  
**RM 100,000.00**  
 UMK MATCHING RESEARCH  
 GRANT (UMK-MATCH) 2021


Daripada: Bahagian Pengurusan Penyelidikan, IMC Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**PROGRAM/ AKTIVITI PENYELIDIKAN BERIMPAK TINGGI**

**RMIC GRANT WORKSHOP SERIES: WRITING A WINNING FRGS AND PRGS RESEARCH PROPOSAL 2021**

Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (RMIC) telah menganjurkan RMIC Grand Workshop Series – Writing a Winning FRGS and PRGS Research Proposal pada 1 – 4 Februari 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet. Program yang berjalan selama tiga jam bagi setiap siri ini telah disampaikan oleh Penceramah yang dijemput dalam kalangan Ketua Kluster dan Panel di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) fakulti sebagai moderator. Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada penyelidik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tentang cara-cara dan tips menulis kertas kerja penyelidikan yang terbaik dan mempunyai peluang yang tinggi untuk diluluskan di peringkat KPT. Program ini adalah salah satu inisiatif daripada RMD bagi memastikan peratusan permohonan yang diluluskan meningkat dan menyuburkan budaya penyelidikan dalam kalangan akademik UMK.

**SESI TAKLIMAT PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN DAN TADBIR URUS DANA KPM 2021**

Bagi memastikan kepatuhan kepada permohonan dan tadbir urus dana KPM, Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah menganjurkan Sesi Taklimat Permohonan Geran Penyelidikan dan Tadbir Urus Dana KPM pada 4 Februari 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pengarah Kanan RMIC iaitu Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman. Melalui taklimat yang diadakan selama dua jam ini, penyelidik telah diberikan penjelasan yang lebih terperinci berhubung tatacara permohonan dan pengurusan geran penyelidikan.

**BENKEL PANEL PENILAI DALAMAN UMK BAGI PERMOHONAN GERAN FRGS DAN PRGS**

Panel Penilai Dalaman UMK adalah salah satu kunci penting kepada kejayaan dalam permohonan geran Penyelidikan FRGS dan PRGS. Oleh itu, bagi memperkasakan panel penilai dalaman, Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah menganjurkan Bengkel Panel Penilai Dalaman UMK Bagi Permohonan Geran FRGS dan PRGS. Penceramah yang dijemput bagi bengkel ini bukanlah nama asing di peringkat Kementerian iaitu Prof. Dato' Dr. Muhammad Fauzi Bin Mohd Zain, Pengarah Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan (BPKI KPT) dan Pengarah Kanan RMIC, Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman sebagai moderator. Bengkel ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan oleh para panel penilai dalaman yang rata-ratanya terdiri daripada Profesor dan Profesor Madya. Melalui Bengkel yang diadakan ini, RMD percaya bahawa peratusan permohonan yang berjaya akan meningkat dan dapat menghindarkan daripada teknikal "error" pada permohonan tersebut.



### BENGKEL TAKLIMAT PROJEK PUBLIC - PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) 2.0 FASA 1/2021 - ZERO REJECT PROPOSAL

Antara geran penyelidikan yang berpotensi tinggi untuk dipperoleh adalah Public - Private Research Network (PPRN) 2.0 yang memberi peluang kepada penyelidik untuk bekerjasama dengan industri seterusnya membantu industri dalam permasalahan yang dihadapi mereka. Sehubungan itu, RMD telah menganjurkan Bengkel Taklimat Projek Public-Private Research Network (PPRN) 2.0 – Zero Reject Proposal pada 17 Mac 2021 melalui aplikasi Google Meet. Bengkel ini telah disampaikan oleh Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Sains Malaysia (USM). Bengkel ini turut disertai oleh penyelidik dari USM dan penyertaan daripada kedua-dua institusi ini adalah sangat memberansangkan. Melalui bengkel ini, penyelidik dapat meningkatkan lagi kefahaman mereka tentang geran ini dan meneroka jaringan industri serta pengalaman baharu dalam penyelidikan.

### BENGKEL TAKLIMAT PERMOHONAN GERAN MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA - BUSINESS COLLABORATION (MYLAB) FASA 1/2021

Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) sentiasa mencari peluang dan inisiatif baharu dalam mempelbagaikan projek penyelidikan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Antara geran penyelidikan yang mempunyai potensi untuk dimohon adalah Geran Malaysia Laboratories for Academia - Business Collaboration (MyLAB) Fasa 1/2021. Geran ini dapat memberi peluang kepada penyelidik untuk bekerjasama dengan industri seterusnya membantu industri dalam permasalahan yang dihadapi mereka.



Sehubungan itu, RMD telah menganjurkan Bengkel Taklimat Permohonan Geran Malaysia Laboratories For Academia - Business Collaboration (MyLAB) Fasa 1/2021 pada 4 Mei 2021 melalui aplikasi Google Meet. Bengkel ini telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad dari Universiti Sains Malaysia (USM). Melalui bengkel ini, penyelidik dapat meningkatkan lagi kefahaman mereka tentang geran ini dan meneroka jaringan industri serta pengalaman baharu dalam penyelidikan.

**PERMOHONAN SKIM GERAN UMK**  
Research Management System (RMS)  
<http://rms.umk.edu.my/>

UMK-PRO UMK PROTOTYPE GRANT	UMK-MATCH UMK MATCHING GRANT	UMK-COM UMK COMMUNITY GRANT
Mengalakkan penyelidik membangunkan prototaip berasaskan kepada Penyelidikan	Meluaskan kolaborasi antara UMK dengan rakan padanan dalam dan luar negara	Memberi peluang kepada penyelidik untuk melakukan penyelidikan yang berimpak kepada komuniti masyarakat
Siling yang ditetapkan: <b>RM30,000</b>	Siling yang ditetapkan: <b>RM30,000 Sosial Sains</b> <b>RM50,000 Sains</b>	Siling yang ditetapkan: <b>RM30,000</b>

Tarikh Buka Permohonan : 8/9/2021 (Rabu)  
Tarikh Tutup Permohonan : 30/9/2021 (Khamis)

09 - 779 7780 (Pn. Hazwani)

Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD)  
Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (RMI)  
Pegawai Tindakan Nakh-Carester  
(Penyelidikan & Inovasi)

**PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**

Permohonan Skim Geran Penyelidikan Dalamannya UMK telah dibuka mulai 8 September 2021 dan tarikh tutup permohonan telah dilanjutkan sehingga 4 Oktober 2021. Skim geran yang terlibat adalah UMK-Prototype Grant (UMK-PRO), UMK Matching Grant (UMK-MATCH) dan UMK Community Grant (UMK-COM). Siling yang ditetapkan bagi UMK-PRO dan UMK-COM adalah sehingga RM30,000 manakala siling bagi UMK-MATCH dibahagikan kepada Sains Sosial sebanyak RM30,000 dan Sains dan Teknologi sebanyak RM50,000. Permohonan Skim Geran Penyelidikan Dalamannya UMK adalah melalui Research Management System (RMS) di <http://rms.umk.edu.my>.

**TAKLIMAT PERMOHONAN SKIM GERAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

21 SEPTEMBER 2021  
2.30 - 3.30 PETANG  
<https://meet.google.com/znj-crms-igt>

CHM. TS.DR. ABDUL HAFIDZ BIN YUSOFF  
PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMD)

SCAN ME

Seterusnya, Taklimat Permohonan Skim Geran Universiti Malaysia Kelantan telah diadakan secara talian pada 21 September 2021 yang disampaikan oleh ChM. Ts. Dr. Abdul Hafidz bin Yusoff, Pengarah Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD). Taklimat ini bertujuan memberi maklumat dan kefahaman kepada para penyelidik berhubung permohonan Skim Geran Penyelidikan Dalamannya UMK yang telah dibuka mulai 8 September 2021.

**DANA R&D DI BAWAH PROGRAM PEMACU, MOSTI TAHUN 2021**

**R&D FUND**  
Fund Management System  
<https://edana.mosti.gov.my/>

Technology Readiness Level

<p><b>APPLIED INNOVATION FUND (AIF)</b></p> <p>Increased productivity and economic growth and well-being of society.</p>	<p><b>TECHNOLOGY DEVELOPMENT FUND 1</b></p> <p>Implementing research and development projects (R&amp;D) to produce new processes and products.</p>
<p><b>TECHNOLOGY DEVELOPMENT FUND 2</b></p> <p>Towards the commercialisation of reducing the failure gap.</p>	<p><b>BRIDGING FUND</b></p> <p>Increase the level of readiness of R&amp;D products in order to generate the market.</p>
	<p><b>MOSTI COMBATING COVID-19</b></p> <p>Innovative proposals to combat the spread of the COVID-19 pandemic.</p>

Organized by RMIK UMK  
Cik Nurul Ain Nabila Binti Md. Rusli  
019-425 5148/nabila.br@umk.edu.my

SUBMISSION DATE (MOSTI) : JUN (25/06/2021) • AUG (27/08/2021)  
OCT (29/10/2021) • NOV (26/11/2021)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah melancarkan Malaysia Grand Challenge (MGC) pada 8 Januari 2021 sebagai usaha menggalakkan aktiviti Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) negara. Sejumlah dana telah diperuntukkan untuk lima (5) Skim Dana Pembiayaan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di bawah Program Dana Pemacu Teknologi Strategik (PEMACU). Bagi memastikan UMK tidak ketinggalan dalam permohonan geran penyelidikan daripada MOSTI, RMD telah mengambil inisiatif dengan membuat hebahan tentang dana ini kepada semua penyelidik di UMK. Permohonan dana ini dibuka sepanjang tahun dan penyelidik yang berminat boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian menggunakan Sistem eDana.



### SHARING OF EXPERIENCE ON SATREPS PROJECT

Pada 11 Oktober 2021, Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah menganjurkan Taklimat bagi Projek Penyelidikan di Bawah Kerjasama Teknikal dalam Bidang Sains dan Teknologi antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun (SATREPS). Taklimat ini bertujuan untuk menggalakkan penyelidik mengadakan kerjasama dan memohon geran di peringkat antarabangsa. Penceramah yang dijemput bagi taklimat ini merupakan Ketua Projek SATREPS-COSMOS sejak tahun 2016 iaitu YBhg. Prof. Dr. Fatimah Binti Md Yusoff dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Taklimat yang diadakan selama dua (2) jam melalui medium dalam talian ini merupakan perkongsian pengalaman daripada penceramah tentang proses permohonan projek SATREPS dan petua untuk mendapatkan projek di bawah dana tersebut.

### TAKLIMAT DANA PENYELIDIKAN DI BAWAH KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI (MOSTI)

Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) sentiasa mencari peluang dan inisiatif baharu dalam mempelbagaikan projek penyelidikan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Penumpuan tidak hanya diberikan kepada dana di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), malah turut diberikan kepada dana di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Sehubungan itu, RMD telah menganjurkan taklimat dana di bawah MOSTI pada 21 Oktober 2021 melalui medium dalam talian. Penceramah yang dijemput ialah En. Mohamad Noor Bin Md. Khatit dan Pn. Farah Faziha Binti Ramli yang merupakan Penolong Setiausaha, Bahagian Dana MOSTI. Melalui bengkel ini, penyelidik dapat mengenalpasti pelbagai dana yang ditawarkan oleh MOSTI dan syarat-syarat yang diperlukan untuk memohon.



### BENGKEL PENULISAN KERTAS CADANGAN GERAN PROJEK PENYELIDIKAN

Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah menganjurkan Bengkel Penulisan Kertas Cadangan Geran Projek Penyelidikan pada 24 November 2021 melalui aplikasi Google Meet. Bengkel yang berjalan selama dua (2) jam ini telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Mohamad Bin Nik Ab Majid, bekas Pengerusi Kluster Penyelidikan Sumber Asli dan Warisan bagi geran KPT. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk membantu penyelidik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tentang cara-cara dan tips menulis kertas kerja penyelidikan yang terbaik dan mempunyai peluang yang tinggi untuk diluluskan di peringkat KPT.



### RMIC COFFEE TALK - SHARING ON LEADERSHIP IN ACADEMIC, RESEARCH AND GOVERNANCE FOR FUTURE GENERATION

THE QUALITY STANDARD ISO 22370:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22371:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22372:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22373:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22374:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22375:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22376:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22377:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22378:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22379:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22380:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22381:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22382:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22383:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22384:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22385:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22386:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22387:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22388:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22389:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22390:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22391:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22392:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22393:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22394:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22395:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22396:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22397:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22398:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22399:2017  
THE QUALITY STANDARD ISO 22400:2017

**PROGRAM/ AKTIVITI BERIMPAK TINGGI**

**UMK RISING STAR TALK SERIES 2021**

**UMK RISING STAR TALK 1/2021**

How I manage to publish papers in WoS and Scopus

SELASA 24 OGOS 2021  
 JAM 10.00 - 11.00 PAGI

SCAN ME

meet.google.com/jy-bwa-bta

**PROF. MADYA DR. NOOR SHELLA BINTI CHE NAWI**  
 FAKULTI KEUSAHAAKRIAN DAN PENRAGAIAN

MODERATOR  
**DR. MOHD ASRUL HERY BIN IBRAHIM**  
 PENSYARAS KEMENTERIAN KEKAWALAN MUTU

**UMK RISING STAR TALK 2/2021**

Pentaksiran Alternatif dalam Talian melalui pendekatan teknik MOOC in MOOC

SELASA 07 SEPT 2021  
 JAM 10.00 - 11.00 PAGI

SCAN ME

meet.google.com/cqi-pics-axi

**TS. DR. ANUAR BIN MOHD YUSOF**  
 FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

MODERATOR  
**DR. MOHD ASRUL HERY BIN IBRAHIM**  
 PENSYARAS KEMENTERIAN KEKAWALAN MUTU

**UMK RISING STAR TALK 3/2021**

The application of nanotechnology in veterinary medicine

SELASA 21 SEPT 2021  
 JAM 10.00 - 11.00 PAGI

SCAN ME

meet.google.com/crr-vraq-jyv

**DR. NOR FADHILAH BINTI KAMARUZZAMAH**  
 FAKULTI PERUBATAN VETERINAR

MODERATOR  
**DR. MOHD ASRUL HERY BIN IBRAHIM**  
 PENSYARAS KEMENTERIAN KEKAWALAN MUTU

**UMK RISING STAR TALK 4/2021**

Personal Experience with First Report

SELASA 05 OCT 2021  
 JAM 10.00 - 11.00 PAGI

SCAN ME

meet.google.com/sfv-waid-tat

**DR. TAN LI PENG**  
 FAKULTI PERUBATAN VETERINAR

MODERATOR  
**DR. MOHD ASRUL HERY BIN IBRAHIM**  
 PENSYARAS KEMENTERIAN KEKAWALAN MUTU

**UMK RISING STAR TALK 5/2021**

Graphene/Graphene Oxide and its Application

SELASA 26 OCT 2021  
 JAM 10.00 - 11.00 PAGI

SCAN ME

meet.google.com/fcx-mwsd-ajp

**DR. AN'AMT BIN MOHAMED NOOR**  
 FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN TEKNOLOGI

MODERATOR  
**DR. FARAH AMANINA BINTI MOHD ZIN**  
 BANGUNAN PENERBITAN DAN PENYELIDIKAN

**UMK RISING STAR TALK 7/2021**

DIY: Pitching, Securing and managing consultancy projects

SELASA 23 NOV 2021  
 JAM 10.00 - 11.00 PAGI

SCAN ME

meet.google.com/gwp-avfg-pri

**DR. JAYARAJ VJAYA KUMARAN**  
 FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

MODERATOR  
**NOOR HASALINI BINTI MOHD BIN**  
 BANGUNAN PENERBITAN DAN PENYELIDIKAN

**UMK RISING STAR TALK 6/2021**

The Importance of Mathematical Modeling in Scientific Research and Publication

SELASA 09 NOV 2021  
 JAM 10.00 - 11.00 PAGI

SCAN ME

meet.google.com/cui-wgvy-hrg

**DR. NOOR FAZIANI BINTI SHOPARWE**  
 FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN TEKNOLOGI

MODERATOR  
**DR. FARAH AMANINA BINTI MOHD ZIN**  
 BANGUNAN PENERBITAN DAN PENYELIDIKAN

**Predatory publishing : An irritant or a threat to scholarly outputs?**

11 MARCH 2021 3:00 P.M.

Panelist

- Prof. Dr. Saiful Cahaya Mohd Marjan Ayub (Deputy Director General of Higher Education Development & Higher Education Ministry of Higher Education)
- Prof. Dr. Ramli Ghani Ya. Dr. Hafidz Wan Yunus (Vice-Chancellor Universiti Teknologi Malaysia)
- Prof. Dr. Amir A. Dr. Abdulla Wahid Muhammad (Deputy Vice-Chancellor for Research & Innovation, Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Prof. Dr. Nopriyanti Sutemah (Deputy Vice-Chancellor Research & Innovation, Universiti Teknologi Malaysia)

Moderator

Prof. Dr. An'amt Bin Mohamad Noor  
 Professor of Library Science & Information, Universiti of Malacca

**LIVE AT MOHEOfficial**

#MOHEOfficial

**SCOPUS Talk On Addressing The Challenges Of Predatory Publishing: Malaysia Chapter**

Agenda:

1. Introduction
2. Challenges of Predatory publishing and Scopus vision
3. Panel Discussion with Malaysian Research Leaders

Panelist

**SPEAKER**

**DR. FARAH AMANINA BINTI MOHD ZIN**

REGISTER NOW

**iThenticate**

Powered by **enago**

**FREE WEBINAR**

**How to Ensure Your Manuscript's Originality with iThenticate**

In collaboration with iThenticate, world's most trusted plagiarism checker software by Turnitin

March 24, 2021 8:30 - 9:30 AM (ET)

**REGISTER NOW**

Panelist:

- Gretchen Kanson, Principal Product Marketing Manager at Turnitin (iThenticate)
- Kate Nyzova, Associate Product Marketing Manager at Turnitin (iThenticate)
- Tony O'Rourke, Vice-President, Partnerships at Enago

**TALK ON INTRODUCTION TO PREDATORY AND FAKE JOURNAL: HOW TO FIND AND AVOID**

18TH MARCH 2021 (THURSDAY)

10:00 AM - 12:00 PM ONLINE (ZOOM WEBEX)

Created by Pengkajian Kualiti (Quality) Malaysia

<http://www.usm.edu.my/index.php/kuq/>

Panelist:

- DR. AN'AMT BIN MOHAMED NOOR
- DR. MOHD ASRUL HERY BIN IBRAHIM



**RMIC PUBLICATION TALK 2021:  
MAKING SENSE IN PUBLISHING**

**PANEL 1**  
Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Bin Ismail  
Vice-Chancellor  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**PANEL 2**  
Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah  
School Of Materials And Mineral Resources Engineering  
Universiti Sains Malaysia (USM)

**MODERATOR**  
Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman  
Senior Director  
Research Management and Innovation Center (RMIC)  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**8 APRIL 2021**  
**10AM - 12PM**

Organized by: Publication and Rating Division (PRD)

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS  
Entrepreneurship Thrust  
#BinaLegasiUMK Bersama  
#OneUMKOneDream  
#WeAreUMKFamily  
OfficialUMK umk.edu.my



### RMIC PUBLICATION TALK 2021: "MAKING SENSE IN PUBLISHING"

RMIC Publication Talk 2021 ini merupakan inisiatif Bahagian Penerbitan dan Penarafan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi. Program ini merupakan salah satu platform perkongsian daripada staf akademik yang cemerlang dalam penyelidikan dan penerbitan. Secara tidak langsung akan meningkatkan bilangan penerbitan artikel dalam jurnal berindeks tinggi. Peningkatan kepada penerbitan yang semakin berkualiti ini membolehkan sitasi, faktor impak, H-index dan lain-lain turut meningkat dan sekaligus menaikkan nama staf akademik dan juga universiti khususnya.

Oleh itu, pada 8 April 2021 (Khamis). Bahagian Penerbitan dan Penarafan telah menganjurkan RMIC Publication Talk 2021 yang memfokuskan kepada tajuk Making Sense in Publication. Program ini dilaksanakan secara forum dengan menjemput panel yang tidak asing lagi iaitu Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Bin Ismail, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan dan Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah, Pensyarah dari Universiti Sains Malaysia. Program ini diselia oleh Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman, Pengarah Kanan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi.



## PENARAFAN

### PENARAFAN DALAM TIMES HIGHER EDUCATION (THE) IMPACT RANKING 2021



Buat julung kalinya Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tersenarai pada kedudukan 801-1000 daripada 1115 institusi pengajian tinggi di dunia untuk tahun 2021 dalam penarafan Times Higher Education (THE) Impact Ranking, yang diumumkan pada 21 April 2021.

THE Impact Ranking yang diperkenalkan oleh THE mengambil kira petunjuk yang menilai pencapaian universiti berdasarkan 17 Matlamat Pembangunan Lestari yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau lebih dikenali sebagai 17 United Nation's Sustainable Development Goals (SDG).

Prestasi UMK pada THE Impact Ranking ini dinilai berdasarkan pencapaian terbaik di dalam empat SDG dimana UMK menunjukkan prestasi memberangsangkan pada SDG 2 (Zero Hunger) dan SDG 15 (Life of Land) yang berada di kedudukan ke 201-300 manakala untuk SDG 1 (No Poverty) UMK di kedudukan ke 301-400. Sementara itu, UMK dinilai pada kedudukan 401+ untuk SDG 7 (Affordable and Clean Energy) dan SDG 12 (Responsible Consumption and Production). Manakala SDG 11 (Sustainable Cities and Communities) di kedudukan 601+ dan untuk SDG 4 (Quality Education) di kedudukan 801+.

Pencapaian terbaik itu merupakan pengiktirafan global dan petanda positif kepada keberkesanan pelbagai inisiatif UMK ke arah menjadi Universiti Keusahawanan terkemuka dunia menjelang 2030. Inisiatif ini juga adalah selari dengan dasar Kementerian Pengajian Tinggi iaitu University for Society (U4S) yang menekankan bahawa fokus utama universiti juga adalah untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

**PROGRAM/ AKTIVITI BERIMPAK TINGGI**



**PERKONGSIAN STRATEGI BAGI QS WORLD UNIVERSITY RANKING DAN QS SUBJECT RANKING**

Perkongsian Strategi Bagi QS World University Ranking dan QS Subject Ranking telah diadakan pada 9 September 2021 secara dalam talian yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Azmawani bin Abd Rahman, Pengarah Pusat Strategik dan Perhubungan Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM). Perkongsian strategi QS merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan pencapaian UMK dalam penarafan ini. Di samping itu, perkongsian ini bertujuan untuk melancarkan proses pengumpulan data QS World University Ranking dan QS Subject Ranking serta menjadi lebih optimum. Pengarah Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD), Dr. Mohd Asrul Hery bin Ibrahim merupakan Moderator bagi sesi perkongsian ini.

**PRD CHIT CHAT BERSAMA PUSAT PEMBANGUNAN KERJAYA DAN ALUMNI**

Pada 25 Oktober 2021, Pihak PRD telah mengadakan PRD Chit Chat bersama Pusat Pembangunan Kerjaya dan Alumni (PPKA) secara atas talian melalui aplikasi google meet. Program ini turut dihadiri oleh Task Force QS yang terdiri daripada staf-staf PKPA dan Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya dan Alumni Dr Mohd Fadil Bin Yusoff. Program ini bertujuan untuk membincangkan tentang kebolehpasaran graduan UMK serta merangka strategi bagi meningkatkan pencapaian Graduate Employability dalam penarafan Quacquarelli Symonds ( QS ) World University Ranking dan QS Star Rating. QS Star Rating merupakan satu penarafan antarabangsa yang memfokuskan kepada lapan (8) indikator utama tentang sesebuah institusi untuk menjadikan institusi tersebut bertaraf antarabangsa. Antara item yang diambil kira dalam indikator kebolehpasaran graduan ialah reputasi majikan, kehadiran majikan di kampus, kadar kebolehpasaran graduan dan sokongan perkhidmatan kerjaya. Selain itu program

ini turut diadakan untuk memperkenalkan penarafan QS World Graduate Employability Ranking 2022 yang baru diperkenalkan oleh QS pada tahun ini kepada PPKA. QS World Graduate Employability Ranking ini diperkenalkan untuk menyenaraikan universiti yang melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran insaniah serta menghubungkan pelajar dengan majikan atau industri di peringkat tempatan dan antarabangsa bagi mengembangkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan.





### PERKONGSIAN STRATEGI BAGI PENARAFAN QS DAN THE

Pada 7 Disember 2021, PRD telah menganjurkan Perkongsian Strategi bagi penarafan Quacquarelli Symonds (QS) dan Times Higher Education yang disampaikan oleh Prof Madya Dr Azmi Mohamed, Pengarah Bahagian Perancangan Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). QS World University Rankings ialah Penerbitan Tahunan Kedudukan Universiti yang dijalankan oleh Quacquarelli Symonds (QS). QS World University Ranking dahulunya dikenali sebagai THE-QS World University Rankings, bekerja sama dengan majalah Times Higher Education (THE) untuk menerbitkan jadual liga antarabangsa dari 2004-2009 sebelum keduanya mulai mengumumkan versi mereka sendiri. QS kemudian memilih untuk tetap menggunakan metodologi sedia ada. Sistem QS terdiri daripada tiga bahagian: peringkat keseluruhan global, kedudukan subjek, yang menamakan universiti teratas di dunia untuk kajian 51 mata pelajaran yang berbeza dan lima bidang fakulti komposit, serta lima jadual wilayah bebas, iaitu Asia, Amerika Latin, Eropah yang sedang berkembang dan Asia Tengah, Wilayah Arab, dan BRICS.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menyertai QS World University Ranking: Asia untuk kali kedua dan telah berjaya mendapat tempat 551-600 pada tahun 2021 dan tahun 2022. Universiti Malaysia Kelantan juga telah menyertai THE Global Impact Ranking pada Oktober 2020. Hasil daripada penyertaan julung kali ini, UMK telah berjaya mendapat tempat ke-801-1000 bagi THE Impact Ranking 2021. Pada tahun 2022 UMK juga akan menyertai penarafan QS World University Ranking dan THE World University Ranking.

### LEADERSHIP TALK FOR YOUNG ACADEMICIAN

Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) telah menganjurkan Program Leadership Talk for Young Academician secara dalam talian pada 14 Disember 2021 yang disampaikan oleh Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Bin Abd Shukor, Naib Canselor Universiti Malaya (UM). Program ini turut dihadiri oleh Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Prof. Ts. Ir. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman, Pengarah Kanan RMIC. Seramai 78 peserta dari dalam dan luar UMK telah menyertai program yang berlangsung selama dua (2) jam ini.

Program ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkaitan kepimpinan akademik kepada staf akademik muda terutama 31 staf akademik yang dilantik sebagai UMK Rising Star. Program ini juga adalah salah satu daripada inisiatif kepada UMK Rising Stars bagi meningkatkan kompetensi sebagai seorang pemimpin.





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

BAB  
**04**

# KEUSAHAWANAN

## LAPORAN TAHUNAN UMKEI 2021

Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) telah ditubuhkan pada 27 Mei 2013 oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang berfungsi sebagai sebuah entiti yang berfokus untuk menjayakan agenda keusahawanan universiti. UMKEI bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME), Pusat Pendidikan dan Pembangunan Keusahawanan (CEED) dan Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC).



## PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN DI PERINGKAT NASIONAL DAN ANTARABANGSA

Bagi tahun 2021, Institut Keusahawanan UMK telah menasaskan sebanyak tiga (3) pengiktirafan dan penganugerahan di peringkat nasional dan antarabangsa. Walau bagaimanapun, UMK mencatat kejayaan dengan memperoleh tujuh (7) pengiktirafan dan penganugerahan. Antara senarai anugerah dan pengiktirafan yang telah diterima UMK adalah seperti berikut:

### 01 | PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN DI PERINGKAT NASIONAL DAN ANTARABANGSA



### PENGIKTIRAFAN DAN PENGANUGERAHAN DI PERINGKAT NASIONAL DAN ANTARABANGSA





Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya memenangi Anugerah Institusi Terbaik Keusahawanan bagi Kategori Institusi di Majlis Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi 2021 (AKKPT21) yang telah diadakan di Putrajaya Marriott Hotel, pada 21 Disember 2021.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menjadi universiti awam pertama di Malaysia yang mendapat akreditasi antarabangsa sebagai universiti keusahawanan oleh Accreditation Council for Entrepreneurial and Engaged Universities (ACEEU). UMK telah lulus kesemua 15 aspek yang menjadi ukuran penilaian bagi mendapat pengiktirafan sebagai universiti keusahawanan termasuk tiga daripada aspek ini berjaya diperoleh dengan cemerlang iaitu ekosistem, kepimpinan dan pendidikan.

**UMK ACCREDITED AS ENTREPRENEURIAL UNIVERSITY BY:**



**ACEEU**  
ACCREDITATION COUNCIL FOR ENTREPRENEURIAL & ENGAGED UNIVERSITIES



**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

---

CERTIFICATE OF ENTREPRENEURIAL UNIVERSITY ACCREDITATION

Granted to **Universiti Malaysia Kelantan**

for the achievement of excellence in internationally recognized standards of entrepreneurship

Accreditation Council for Entrepreneurial and Engaged Universities  
November 2021


  
 Chair of the Accreditation Committee

  
 Chair of the New Business Team

**1<sup>st</sup> PUBLIC UNIVERSITY TO RECEIVE ACEEU ACCREDITATION**

The University is to be congratulated for meeting all 15 standards and in particular for:

- The strength of institutional commitment to entrepreneurship
- The strength of leadership at all levels of the university
- The many innovative ways of providing entrepreneurial opportunities to students in all academic disciplines



## USAHAWAN PELAJAR

Bagi Tahun 2021, KPI usahawan pelajar yang telah ditetapkan di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi dan UMK adalah sebanyak 17% iaitu seramai 1699 orang usahawan pelajar. Pada tahun ini, UMK telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 17% dengan seramai 1701 orang usahawan pelajar dan 793 syarikat yang telah berdaftar di bawah Syarikat Siswa Universiti (SSU). Angka ini juga menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini dapat menunjukkan bahawa walaupun negara kita malah dunia dilanda pandemik covid-19, pelajar UMK melihat hal ini sebagai salah satu peluang perniagaan yang mereka perlu rebut dan cipta. Di samping itu, UMK juga sentiasa memberikan bantuan dan sokongan dalam meningkatkan ekosistem keusahawanan pelajar.



## IKON USAHAWAN PELAJAR


Salah satu inisiatif yang menyokong kepada aktiviti keusahawanan pelajar adalah melalui program bersiri yang dilaksanakan pada setiap bulan oleh Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED) iaitu Ikon Usahawan pelajar. Menerusi program ini, pelajar-pelajar diberi pendedahan berkenaan dengan fasiliti atau kemudahan bagi menyokong aktiviti keusahawanan pelajar yang disediakan oleh UMKEI seperti kemudahan pinjaman tanpa faedah, kursus dan latihan keusahawanan oleh UMK dan agensi berkaitan, program-program pengukuhan keusahawanan peringkat universiti dan peringkat nasional serta kemudahan ruang niaga.




Selain itu, tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memberi suntikan semangat kepada pelajar-pelajar lain untuk lebih melihat bahawa bidang perniagaan adalah satu kerjaya pilihan untuk mereka. Sepanjang tahun 2021, seramai 40 ikon usahawan pelajar telah dikenal pasti dan data menunjukkan bahawa berdasarkan 40 orang ikon usahawan tersebut telah mencatatkan angka jualan sebanyak Ringgit Malaysia Empat Juta Tujuh Ratus Lapan Puluh Ribu Empat Ratus (RM4,780,400.00). UMKEI juga telah mengambil inisiatif dengan menerbitkan buku Ikon Usahawan Pelajar Volum 1 pada tahun 2021 untuk tujuan pengumpulan data.

## USAHAWAN GRADUAN

Bagi Tahun 2021, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UMK menetapkan sasaran KPI sebanyak 13% bagi usahawan graduan UMK. Berdasarkan Sistem Pengesanan Kebolehpasaran Graduan (SKPG) 1, UMK telah mencapai sebanyak 9.8%. Walau bagaimanapun, pencapaian sebenar bagi KPI usahawan graduan akan diambil kira selepas sistem ditutup iaitu pada Mac 2022. Maklumat di bawah menunjukkan perbandingan antara tahun bagi pencapaian Usahawan Graduan di UMK.



## KEPAKARAN TENAGA PENGAJAR / PEMBIMBING




Pada tahun 2021, UMK telah menetapkan sasaran sebanyak 25% bagi KPI kepakaran Tenaga Pengajar/ pembimbing keusahawanan di UMK. Jika dilihat dari segi perbandingan antara tahun, UMKEI telah mencatatkan peningkatan pada setiap tahun dan pada tahun 2021, UMKEI telah mencapai 29.2% iaitu seramai 109 orang tenaga pengajar/ pembimbing keusahawanan meliputi sembilan (9) fakulti.

### BILANGAN KEPAKARAN TENAGA PENGAJAR/PEMBIMBING KEUSAHAWANAN

Fakulti	Sasaran Q4 (25%)		Pencapaian Q4		Jumlah Pensyarah Aktif Fakulti
	%	Bil. Pensyarah	%	Bil. Pensyarah	
Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (FKP)	40%	35	85.2%	75	88
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan (FHPK)	30%	10	17.6%	6	34
Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)	10%	2	4.2%	1	24
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)	35%	17	8.3%	4	48
Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE)	10%	3	3.4%	1	29
Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)	25%	10	30%	12	40
Fakulti Sains Bumi (FSB)	25%	9	8.1%	3	37
Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT)	25%	9	5.6%	2	36
Fakulti Bahasa	5%	2	5.4%	2	37
<b>JUMLAH</b>			<b>29.2%</b>	<b>109</b>	<b>373</b>

## BILANGAN KAJIAN KES / PENYELIDIKAN KEUSAHAWANAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



Bagi Tahun 2021, UMKEI telah berjaya menghasilkan 17 buah kajian kes/ penyelidikan dalam pengajaran dan pembelajaran berbanding 15 buah kajian kes yang disasarkan oleh UMK. Kajian kes tersebut adalah berdasarkan sembilan (9) kajian kes daripada buku yang bertajuk "Leading Higher Institution: Leadership Traits, Dreams and Achievements- University Leaders' Entrepreneurial Education Bootcamp (UNILeeb) Case Study. Manakala lapan (8) buah kajian diterbitkan di Journal of Entrepreneurship Case Study

## GERAN KEUSAHAWANAN



Keseluruhan dana yang diperolehi oleh UMKEI sepanjang 2021 adalah berjumlah sebanyak RM 985,707.00. Peruntukan tersebut telah dimanfaatkan oleh para pelajar dan penyelidik UMK selain turut dinikmati oleh komuniti setempat dalam merealisasikan agenda keusahawanan.

BIL.	NAMA PROGRAM	SUMBER DANA	TARIKH PENYALURAN	JUMLAH PENYALURAN (RM)
1	Program Social Enterprise@Urban Community (SE@UC)	Kementerian Pengajian Tinggi	Januari 2021	20,000.00
2	Program Impact Digital Entrepreneurship Apprentice@KPT (IDEA@KPT)	Kementerian Pengajian Tinggi	Sep-21	10,200.00
3	Program 'Freelance Cloud Computing In Accounting Services' (FRECCAS)	Kementerian Pengajian Tinggi	Julai 2021	10,900.00
4	Pelan Transformasi Keusahawanan (PTK)	Kementerian Pengajian Tinggi	Mei 2021	30,040.00
5	Webinar Keusahawanan@MAKMUM	Kementerian Pengajian Tinggi	Oktober 2021	2,000.00
6	Reality Show MoHE Star Biz Challenge	Kementerian Pengajian Tinggi	Julai 2021	500,000.00
7	Unileeb Cohort 2	AKEPT	Februari 2021	200,000.00
8	Unileeb Cohort 3	AKEPT	Februari 2021	150,000.00
9	Buku Memeta Haluan Melakar Jaya	Kementerian Pengajian Tinggi	Julai 2021	49,580.00
10	Program Latihan Digital @ Jeli	ECER	Apr-21	12,987.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>				<b>985,707.00</b>

## PROJEK PEMBANGUNAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA



### BUSINESS ENRICHMENT, STANDARDIZATION AND TRANSFORMATION (BEST)

Program Business Enrichment, Standardization and Transformation (BEST) adalah satu platform khusus yang telah diperkenalkan oleh pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi meningkatkan kualiti dan standardisasi produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh usahawan Bumiputera melalui pensijilan halal Malaysia. Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) telah dilantik oleh pihak MARA sebagai pemudah cara dalam mengendalikan Program Persijilan Usahawan – Enrichment, Standardization and Transformation (BEST) untuk persijilan halal dengan kerjasama pihak DESB Training and Coaching PLT (DESB) melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani pada September 2021.

INGIN TINGKATKAN PRODUKTIVITI, KUALITI & TAHAP PIAWAIAN PRODUK & PERKHIDMATAN ?

**KEMUDAHAN PENSIJILAN USAHAWAN**

**BEST**  
Business Enrichment, Standardization & Transformation

Syarat Asas Permohonan

1. Warganegara Malaysia bertaraf Bumiputera
2. Berumur antara 18 – 60 tahun
3. Berdaftar dengan SSM di Semenanjung atau PBT di Sabah & Sarawak serta menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya 6 bulan.  
\* Perniagaan yang beroperasi kurang daripada 6 bulan sepanjang tempoh pandemik adalah layak memohon
4. Perniagaan persendirian / perkongsian atau syarikat Sendirian Berhad (S1% pegangan Bumiputera)
5. Komitmen usahawan 10% sahaja  
\* Pengurangan komitmen usahawan kepada 5% sepanjang tempoh pandemik

\* Tertakuk terma & syarat

www.mara.gov.my | MUPDA '22 | Instagram, Facebook, Twitter | Majlis Amanah Rakyat

**KEAHLIAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DALAM INTERNATIONAL COUNCIL FOR SMALL BUSINESS (ICSB) MALAYSIA NETWORKS (IMN)**



Pada 17 November 2021, UMK telah menerima kunjungan daripada wakil IMN untuk membincangkan kerjasama yang boleh dilaksanakan antara UMK dan IMN. Hasil perbincangan tersebut, UMK telah bersetuju untuk menjadi ahli IMN dan akan dipertanggungjawab di bawah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME), Institut Keusahawanan UMK (UMKEI).

ISME merupakan sebuah pusat kecemerlangan yang membimbing usahawan PKS untuk ke tahap yang lebih berjaya, melalui pelbagai perkhidmatan yang disediakan. Sehubungan itu, kerjasama antara UMK dan IMN dilihat mampu untuk membantu usahawan PKS ke peringkat global. Satu inisiatif yang baik dan sewajarnya diberi perhatian penuh oleh pihak universiti untuk merealisasikan agenda Universiti Keusahawanan terunggul di Negara ini dan di peringkat serantau.

## PENCAPAIAN LAIN-LAIN



### PROGRAM TUNAS USAHAWAN BELIA

Seramai 25 orang pelajar UMK telah berjaya memperolehi dana Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)@IPT 8.0 yang telah dilancarkan pada 30 September 2021. Program rintis ini merupakan kerjasama strategik antara antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dalam melahirkan usahawan graduan. Dana yang diberikan adalah sebanyak RM15,000.00 seorang dengan nilai keseluruhan RM375,000.00. Berikut adalah senarai peserta yang berjaya memperolehi geran bagi program tersebut:

BIL.	NAMA	FAKULTI	NAMA SYARIKAT	SEKTOR BMC
1	NORAZNIEZA BINTI NOR AZHAR	FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN	TERAS TERAJU FARM	PENTERNAKAN
2	AIDA NASUHA BINTI MOHD NOORDIN	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	AIDANA ENTERPRISE	PERKHIDMATAN: MAKANAN & MINUMAN
3	MUHAMMAD ABRAAR BIN CHE AB RAHIM	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	KB SPICES ENTERPRISE	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN
4	ZULFAIROSE BINTI MOHD SAUFI	FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN	AI ROSE ENTERPRISE	PEMBUATAN
5	AINUR NADZIRAH BINTI KAMARUL AZHAR	FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI	ANKA VICTORY LEGACY	PERKHIDMATAN
6	MUHAMMAD FAZA BIN NAZARUDIN	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	MUHAMMAD FAZA BIN NAZARUDIN	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN

BIL.	NAMA	FAKULTI	NAMA SYARIKAT	SEKTOR BMC
7	RAZIATUL MADIAH BINTI OSMAN	FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN	RAZIATUL EMPIRE ENTERPRISE	PERKHIDMATAN
8	AMIRAH SHAFIQA BT JIMMY MESIR	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	METRAMED ALTERNATIVE MADICATION	PERKHIDMATAN
9	TUAN MUHAMMAD MUIZ BIN T NORDIN	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	TUAN MUHAMMAD MUIZ BIN T NORDIN	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN
10	NURUL FATIN NAJWA BINTI NASIMAN	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	AW FARM	PENTERNAKAN
11	NORFARHIN BINTI ROSLAN	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	FAA VENTURE ENTERPRISE	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN
12	NURZULAIKHA NAJIHAH BINTI MAZHAR	FAKULTI SAINS BUMI	CEK VENTURE	PERKHIDMATAN
13	MOHAMAD SUFIAN BIN IBRAHIM @ AB RAZAK	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	LOCAL PRINT LEGACY	PEMBUATAN
14	NOR AZLIN BINTI ABU	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	WARISAN AYAHANDA AZLIN ENTERPRISE	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN
15	MOHAMMAD ALIF NASUHA B. ROFIDI	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	LEPS POPCORN ENTERPRISE	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN
16	MUHAMMAD SYAFIQ BIN SABARI	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	FRIES BOOM ENTERPRISE	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN
17	SITI AISYAH BINTI MAHMUD	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	AISYAH SCARFT TRADNG	PERKHIDMATAN

BIL.	NAMA	FAKULTI	NAMA SYARIKAT	SEKTOR BMC
18	SITI NUR SYAHIRA BINTI ABDULLAH KASIM	FAKULTI SAINS BUMI	SYAHIRA FOOD TRADING	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN
19	MUHAMMAD AMAN ADLI BIN AWANG@ AWANG AHMAD	FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI	AMAN CANNA ENTERPRISE	PERIKANAN
20	MUHAMAD HAIKAL BIN ABDUL RAZAK	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	MUHAMAD HAIKAL BIN ABDUL RAZAK	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN
21	SHAFWINNUJUMI BINTI ABD HANNAN	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	SHAWA STORE	PERKHIDMATAN
22	MUHAMMAD IKMALUL IKTIMAM BIN MAHADHIR	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	I IKHTIAR RESOURCES	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN
23	SITI AIN SAIDAH BT ROSLAN	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	PISANG BERSAMA ENTERPRISE	PERTANIAN
24	WAN NUR SHAHIRAH HUSNINA BINTI WAN MOHAMAD	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	HUSNINA EMPIRE	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN
25	SYAFIK MUSYAKKIR BIN PA SU YA	FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN	CUYA CS FOOD AND BEVERAGES	PEMBUATAN & PERKHIDMATAN : MAKANAN & MINUMAN

**PENERBITAN BUKU MOHE GUIDE TO ENTREPRENEURSHIP INTEGRATED EDUCATION (EIE)**



Buku MOHE Guide To Entrepreneurship Integrated Education (EIE) merupakan panduan yang disediakan untuk memacu perubahan ekosistem dan landskap pendidikan keusahawanan di IPT seluruh Malaysia yang lebih berintegrasi dan relevan ke arah industri keusahawanan masa sekarang dan hadapan. Buku ini memaparkan amalan-amalan terbaik dalam pendidikan keusahawanan, kemahiran dan ilmu keusahawanan yang diperlukan oleh pelajar, pendekatan pembelajaran keusahawanan, kaedah pengukuran serta aspek tadbir urus yang dianggap melengkap bagi mewujudkan satu ekosistem dan lanskap pendidikan keusahawanan yang padu. Buku ini juga menggariskan perbezaan penekanan pendidikan keusahawanan terhadap tiga (3) kumpulan pelajar yang berbeza iaitu dari program keusahawanan, program berkaitan perniagaan, dan program selain dari keusahawanan dan perniagaan. EIE akan menjadi sebuah buku garis panduan bagi institusi pengajian tinggi dalam usaha menerapkan pengetahuan keusahawanan yang lengkap ke dalam kurikulum pendidikan tinggi di Malaysia selari dengan aspirasi sistem pendidikan negara untuk menghasilkan graduan yang bukan sahaja holistik dan seimbang malah berciri keusahawanan seterusnya meletakkan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Keusahawanan' tulen menjelang 2030.



**UMK UNIVERSITI AWAM PERTAMA TERBIT RANCANGAN REALITI TV TAIKUN MUDA**

**TAIKUN MUDA**  
**PROGRAM REALITI KEUSAHAWANAN TV**

Program realiti TV anjuran bersama UMK, TV Al Hijrah, Orang TV mencari usahawan dari kalangan pelajar IPTA/IPTS seluruh Malaysia

Seramai 89 orang peserta telah menghantar penyertaan daripada 38 buah IPTA/IPTS dan hanya 11 orang terpilih sebagai finalis

Peserta akan dibimbing oleh usahawan berjaya dan tugas yang berkaitan keusahawanan akan diberikan

**UMK TERIMA DANA RM500,000.00 BAGI PERLAKSANAAN PROGRAM TAIKUN MUDA**

**TAIKUN MUDA**  
**PENCARIAN PESERTA!**  
 PROGRAM REALITI KEUSAHAWANAN TV

JUARA akan membawa pulang GERAN PERNIAGAAN yang bernilai **RM50,000** serta piola & siji penyertaan

TARIKH TUTUP PENYERTAAN: **30 OKTOBER 2021**

PROGRAM ANJURAN BERSAMA UMK, TV AL HIJRAH, ORANG TV

f t i OfficialUMK ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST www.umk.edu.my 19

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menyelaras penganjuran Program Rancangan Realiti TV MoHE Star Biz Challenge - Taikun Muda dengan kerjasama Alhijrah Media Corporation (TV Alhijrah). Rancangan realiti TV bertajuk MoHE Star Biz Challenge melibatkan penyertaan mahasiswa-mahasiswa dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). UMK telah menerima dana sebanyak RM 500,000.00 daripada KPT bagi penganjuran program realiti tersebut.

## MALYSIAN SOCIAL INNOVATION ACCELERATION PROGRAM (MYSIAP)



Malaysian Social Innovation Acceleration Program (MySIAP) merupakan salah satu program inisiatif dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM). Program berupa pertandingan ini telah menawarkan hadiah dalam bentuk geran penyelidikan sebanyak Ringgit Malaysia Empat Puluh Ribu (RM40,000.00) bagi setiap produk yang menang. Pada tahun 2021, UMK telah menyertai pertandingan ini dengan mempertaruhkan lima (5) projek inovasi tahun akhir iaitu dua (2) dari pelajar Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan dua (2) dari Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT). Projek inovasi pelajar yang terlibat adalah gummi cuka rambut yang diselia oleh Prof. Madya Dr. Seri Intan binti Mokhtar, Biosoap yang diselia oleh Dr. Zubaidah Aimi binti Abdul Hamid, Guajava yang diselia oleh Dr. Khomaizon binti Abdul Kadir Pahirul Zaman dan Massage Bar yang diselia oleh Dr. Siti Nuurul Huda binti Mohammad Azmin. Tiga (3) daripada projek tersebut telah berjaya menerima geran penyelidikan sebanyak RM40,000.00 bagi setiap projek yang terpilih.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

BAB  
**05**

# JARINGAN INDUSTRI UNIVERSITI

## PROGRAM CEO@FACULTY: START YOUR BUSINESS WITH LAZADA

Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) telah mengadakan program webinar melalui platform Facebook Rasmi UMK dengan menampilkan wakil CEO@Faculty iaitu Encik Afiq Bin Redzuan, Ketua Pegawai Hal Ehwal Kerajaan Dan Polisi Awam, Lazada Malaysia pada 10 Februari 2021. Di samping itu, Dr. Noor Raihani Binti Zainol, Pensyarah Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan(FKP) pula dipilih sebagai moderator. Program bertajuk “Start Your Business With Lazada” ini telah mendapat sambutan yang sangat luar biasa dari penonton yang terdiri dari pelajar UMK, kakitangan UMK, pelajar Universiti Awam (UA) seluruh negara dan wakil industri.



Pelbagai topik dan isu telah dikongsikan oleh panel yang dipilih selama dua (2) jam 15 minit. Antara fokus perbincangan adalah mengenai peluang para pelajar untuk memasarkan produk menggunakan platform Lazada Malaysia, teknik dan kaedah untuk membantu pelajar memasarkan produk sendiri di platform Lazada Malaysia, kaedah untuk membantu pihak industri mengendalikan operasi dan menambahkan dana sepanjang pandemik Covid-19, tips serta strategi pemasaran paling berkesan bagi golongan B40 memasarkan produk di Lazada Malaysia dan platform digital serta tawaran menarik yang disediakan oleh Lazada Malaysia untuk para pelajar mendalami ilmu pemasaran secara berkesan melalui geran, program tutorial dan imbuhan yang sangat lumayan.

Program ini juga telah menyediakan peluang kepada para penonton untuk sesi soal jawab selama setengah jam. Program ini akan diadakan secara berkala berdasarkan sambutan yang diberikan oleh para penonton. Buktinya, statistik menunjukkan seramai 2000 orang telah menonton program ini.

## PROGRAM UNIVERSITY FOR SOCIETY (U4S) ZON TIMUR : YOUTH AS FISHING TOURISM AMBASSADOR


Program University For Society (U4S) Zon Timur yang dikendalikan oleh kumpulan penyelidik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah membuka tirai 2021 melalui Program Youth As Fishing Tourism Ambassador bertempat di UniSA IM4U Outreach Camp pada 19-20 Mac 2021. Program memfokuskan eko-pelancongan ini diketuai oleh Puan Fadhilahanim Aryani Binti Abdullah dan disertai oleh penyelidik yang dilantik iaitu Dr. Anis Amira Binti Abd Rahman, Dr. Muhamad Azahar Bin Abas, Encik Mohammad Nizamuddin Bin Abdul Rahim serta Encik Mohd Adli Bin Ismail. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) juga turut mengadakan program bersama komuniti dengan memfokuskan komuniti nelayan di kawasan sama.

Program ini telah mendapat sambutan yang sangat luar biasa daripada komuniti belia di kawasan setempat. Justeru itu, program susulan akan diadakan untuk mendapatkan impak dan hasil maksimum berdasarkan aktiviti yang diadakan. Hasil dari program selama dua(2) hari dua(2) malam ini telah membuktikan peranan penyelidik UMK sangat signifikan dalam membantu komuniti belia di Merang, Terengganu. Hasil program ini telah membantu para peserta yang terlibat seperti memberi pendedahan kepada peserta mengenai kaedah untuk menghasilkan perancangan perniagaan, penjana pendapatan melalui aktiviti pelancongan, perkongsian oleh Usahawan pelancongan terkemuka di Kuala Sepetang dan Water Colour Resort, tips dan panduan menjadi pemandu pelancong berjaya, kaedah untuk menghasilkan pakej pelancongan yang boleh menarik minat pelanggan, strategi untuk menarik minat pelancong asing, penyelidikan mengenai hidupan laut dan menimba ilmu mengenai kaedah menangkap hidupan laut dengan betul seperti mencari lokan, kerang dan sebagainya. Berdasarkan tembuwal dan tinjauan yang dibuat, kebanyakan peserta sangat berpuas hati dengan pengisian program dan berharap agar program ini diadakan secara berkala sepanjang tahun.




## BENKEL PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI (LI)

Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) telah mengadakan satu Bengkel Pengurusan Latihan Industri (LI) secara dalam talian pada 20 Mei 2021. Bengkel ini melibatkan penyertaan seramai 26 orang staf yang terdiri daripada Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar) dan Penyelaras Jaringan Industri daripada setiap Fakulti. Moderator bagi sesi pembentangan dashboard ini adalah Encik Wan Azlee Bin Hj. Wan Abdullah, Pengarah Pusat Komputeran dan Informatik. Objektif utama pembangunan Sistem Latihan Industri ini adalah untuk memudahkan pengurusan Latihan Industri (LI) kepada koordinator LI dalam menyampaikan maklumat terkini kepada pelajar berkaitan latihan industri. Selain daripada itu, sistem ini juga akan membantu para pelajar yang akan mengikuti latihan industri untuk membuat carian penempatan LI secara lebih sistematik dan memenuhi keperluan pengajian mereka.




## BENKEL PEMANTAPAN MOA, MOU DAN LOI UNIVERSITI



Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) telah mengadakan Bengkel Pemantapan MoA, MoU dan Lol Universiti secara dalam talian pada 27 Mei 2022 dan telah dihadiri oleh Penyelaras Jaringan Industri dan Masyarakat Fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PJIMF). Pembentangan untuk sistem Dasboard MoA, MoU dan Lol telah disampaikan oleh Encik Wan Azlee bin Hj. Wan Abdullah, Pengarah Pusat Komputeran dan Informatik. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk melihat pelaksanaan dan pembangunan Sistem MoU, MoA, Lol dan lain-lain perjanjian di bawah seliaan CUIC dan Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU).

## PERBINCANGAN KOLABORASI ANTARA UMK DAN TECHNOLOGY PARK MALAYSIA



Satu perbincangan kolaborasi antara pihak UMK dan Technology Park Malaysia (TPM) telah diadakan secara dalam talian pada 27 Mei 2021 dan telah dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). Turut hadir wakil daripada TPM Nexus Sdn. Bhd, Encik Muhamad Husni Md Zain. Objektif utama perbincangan adalah untuk membincangkan kolaborasi program yang sesuai dijalankan untuk golongan akademik dan pelajar. Pihak UMK berhasrat dapat bekerjasama dengan pihak TPM bagi pembangunan formulasi produk, pembangunan usahawan pelajar, pengkomersialan serta penggunaan kemudahan fasiliti di TPM. Selain daripada itu, pihak UMK juga akan menyumbangkan kepakaran penyelidik bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana di Pantai Timur.

## WEBINAR UNIVERSITY FOR SOCIETY (U4S) SIRI 3 ZON TIMUR "KOMUNITI NELAYAN SETIU, TERENGGANU - GERBANG TEKNOLOGI DAN EKOPELANCONGAN"

Webinar University for Society (U4S) Siri 3 Zon Timur "Komuniti Nelayan Setiu, Terengganu - Gerbang Teknologi Dan Ekopelancongan" anjuran bersama empat (4) universiti awam di Zon Timur dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diadakan melalui platform siaran Facebook KPT pada 26 Ogos 2021

Pelaksanaan program U4S ini menyahut "Redesign University Higher Education: University, Industry and Community Engagement", dan juga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 di mana "Quadruple Helix Engagement Model" menjadi paksi utama kepada konsep U4S. Sepanjang forum ini berlangsung, lebih 5000 orang telah menonton siaran ini secara langsung.



## FORUM UMK FOR SOCIETY : IFSSA SEBAGAI HUB SEKURITI MAKANAN PANTAI TIMUR

Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Jaminan Makanan Dan Pertanian Lestari (IFSSA) dan Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) telah menganjurkan forum bertajuk IFSSA sebagai Hub Sekuriti Makanan Pantai Timur pada 29 Ogos 2021. Forum ini diadakan bertujuan untuk berkongsi pengenalan dan objektif IFSSA, sekuriti makanan, perkhidmatan yang disediakan, kejayaan yang diperolehi serta projek-projek terkini IFSSA. Sepanjang forum ini berlangsung, lebih 800 orang telah menonton siaran ini secara langsung.



## FORUM UMK FOR SOCIETY : KERANGKA BAHARU BEKERJA BERSAMA MENGURUS KEMISKINAN DAN MEMBINA KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) dengan kerjasama Institut Penyelidikan & Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) telah menganjurkan forum bertajuk Kerangka Baharu Bekerja Bersama Mengurus Kemiskinan dan Membina Kesejahteraan Komuniti pada 14 September 2021. Forum ini diadakan bertujuan untuk berkongsi kerangka penyelidikan dan pembinaan kapasiti yang digunakan InsPeK untuk bekerja bersama dengan para pemegang taruh dalam menguruskan kemiskinan secara berimpak lestari. Sepanjang forum ini berlangsung, lebih 1000 orang telah menonton siaran ini secara langsung.

## SESI MEET & GREET BERSAMA AHLI MAJLIS ACTION GROUP FOR ENTREPRENEURSHIP (AGE COUNCIL) UMK DAN PENGURUSAN FAKULTI

Majlis Action Group For Entrepreneurship (AGE Council) mula ditubuhkan pada tahun 2007, hasil cetusan idea Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UMK. AGE Council bertindak sebagai Badan Pemikir dan Bertindak (Action) dalam merangka pelan tindakan pembangunan keusahawanan UMK dan mengangkat konsep Redesigning Higher Education: University, Industry And Community Engagement – Kerjasama Pintar UMK bersama Industri. Diharap dengan penubuhan AGE Council ini, UMK dapat menjadi sebuah Universiti Awam berfokus kepada keusahawanan menjelang tahun 2023 di Malaysia dan tahun 2030 di Asia.





### 9 SEPTEMBER 2021

En. Afizulazha bin Abdullah, Ketua Pegawai Operasi (Teknologi) Celcom Axiata Berhad bersama Pengurusan Jabatan Sains Data (JSD)

### 13 SEPTEMBER 2021

En. Sakri bin Abdullah, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) bersama Pengurusan Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan (FBI)



### 13 SEPTEMBER 2021

YBhg. Dato' Seri Dr. Michael Tio, Ketua Pegawai Eksekutif PKT Logistic Group Sdn. Bhd. bersama Pengurusan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP)

### 14 SEPTEMBER 2021

En. Sufian bin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif UEM Sunrise Berhad bersama Pengurusan Fakulti Seni Bina dan Ekistik (FSE)



## PROGRAM MEGA UNIVERSITY FOR SOCIETY (U4S) ZON TIMUR



Program University for Society (U4S) merupakan inisiatif untuk mentransformasi masyarakat berteraskan “Redesign University Higher Education: University, Industry and Community Engagement” dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PT) 2015-2025 di mana kolaborasi universiti-agensi-industri-komuniti menjadi paksi utama kepada konsep U4S.

Pelaksanaan projek U4S Zon Timur melibatkan kerjasama dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Sehubungan itu, satu Program Mega U4S telah diadakan pada 22-23 Oktober 2021 bertempat di Nelayan Resort Setiu, Terengganu dengan penyertaan seramai 50 orang komuniti nelayan Setiu. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk membangunkan pakej pemasaran berasaskan produk “fishing tourism”, memperkenalkan cara memproses ikan kepada produk hiliran yang boleh dijual dan mengkaji keberkesanan dan pulangan ke atas pelaburan dalam aspek kewangan dan bukan kewangan.





**UMK MEMPEROLEH DANA PENJANA KPT PROFESSIONAL CERTIFICATION PROGRAMME (PENJANA -KPT - PACE) BERJUMLAH RM1,059,500.00**

Dr. Shah Iskandar Fahmie Bin Ramlee, Pengarah Pusat Jaringan Industri Universiti dan pasukan telah berjaya memperolehi dana PENJANA-KPT-PACE oleh Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM1,059,500.00. Sebanyak tujuh (7) program pensijilan profesional yang diiktiraf oleh badan profesional/ industri telah ditawarkan kepada pelajar UMK. Objektif utama KPT-PACE adalah untuk memberi nilai tambah kepada kelayakan sedia ada pelajar, memperkukuhkan kompetensi profesional graduan dalam bidangnya sendiri serta meningkatkan kebolehpasaran graduan. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat di atas kejayaan ini.

**SESI PERJUMPAAN PEGAWAI FOKAL ACTION GROUP FOR ENTREPRENEURSHIP (AGE) COUNCIL FAKULTI BERSAMA TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

Satu sesi penyerahan watak pelantikan 10 orang Pegawai Fokal AGE Council Fakulti telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) di Bilik Mesyuarat Senat, UMK Bachok pada 22 November 2021. Tujuan pelantikan Pegawai Fokal ini adalah sebagai penghubung dalam hubungan dua hala antara Ahli AGE Council – Fakulti dan menyelaraskan, memantau serta melaporkan semua urusan, aktiviti dan cadangan baharu/ sedia ada berkaitan dengan AGE Council Fakulti kepada pihak pengurusan. Semoga dengan pelantikan ini dapat menjadi penghubung yang baik kepada Ahli AGE Fakulti dalam memastikan aspirasi dan matlamat UMK menjadi Universiti Keusahawanan No.1 di Malaysia menjelang 2023 akan tercapai.



**WEBINAR KUCA TEH BY PRO YANG BERTAJUK PELANCONGAN FASA ENDEMIK: SEJAUH MANA KITA BERSEDIA?**

Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) dengan kerjasama Bahagian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Kelantan dan Min House Camp telah menganjurkan Webinar Kuca Teh by Pro yang bertajuk Pelancongan Fasa Endemik: Sejauh Mana Kita Bersedia? pada 12 Disember 2021. Matlamat utama program ini adalah untuk memperkasakan dan memperkukuhkan sektor pelancongan dalam fasa endemik. Sepanjang webinar ini berlangsung, lebih 1000 orang telah menonton siaran ini secara langsung.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

BAB  
06

# CREATIVE TECHNO PARK

## PENYERAHAN GERAN KENDERAAN LUCUT HAK DARIPADA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA NEGERI KELANTAN

Majlis Penyerahan kenderaan lucut hak daripada Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan kepada Pengarah CTP En. Aswawi Bin Isa untuk kegunaan Pusat Akademi Memandu Profesional 4x4 Universiti Malaysia Kelantan secara kaedah derma yang disempurnakan oleh Timbalan pengarah JPJ Kelantan pada 31 Mac 2021.





## FORUM KEUSHAWANAN DALAM BIDANG GAMELAN

Forum ini diadakan secara webinar bersama Prof. Dr. Mohd Hassan Bin Abdullah dari UPSI, Ts. Dr. Muhammad Saufi Bin Che Rusli Pensyarah Kanan UMK dan En. Zapri Bin Mat Zain Fasilitator UMK.

## KERJASAMA DENGAN JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERA KELANTAN

Pengarah Creative Techno Park (CTP) En. Mohd Aswawi Bin Isa bersama Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negera Kelantan (JKKN) dalam menjayakan program sumbangan kepada Penggiat Seni yang terkesan akibat Covid-19.



**PERJUMPAAN USAHAWAN KRAF KAYU BERKAITAN JKH ( JADUAL KADAR HARGA) BERSAMA PENGARAH KANAN BPI**



**SESI WEBINAR KOPI-KOPI KEBUDAYAAN YANG MENGUPASKAN TAJUK "KEUSAHAWANAN DALAM SENI MUZIK" BERSAMA PENGARAH CTP**



**PERJUMPAAN USAHAWAN KRAF KAYU BERKAITAN JKH ( JADUAL KADAR HARGA) BERSAMA PENGARAH KANAN BPI**

Falsafah dan pemikiran pengkarya Mohd Aswawi bin Isa terhadap dunia seni. Seringkali mengikuti program-program serta pertandingan-pertandingan muzik dan kesenian yang dianjurkan di peringkat daerah, negeri dan juga kebangsaan. Menyedari akan pentingnya keindahan dan kegemilangan seni muzik tradisional Melayu dikekalkan sebagai warisan yang cukup berharga, beliau telah mengambil inisiatif untuk mendalami seni muzik tradisional Melayu terutamanya seni muzik tradisional Kelantan seperti muzik tradisional wayang kulit, Mak Yong, silat dan dikir barat. Selain boleh memainkan alatan muzik tradisional seperti serunai, gendang, kompang, rebab, rebana ubi, gamelan dan geduk, beliau juga berkebolehan untuk membuat alat-alat muzik tradisional termasuklah membuat patung-patung wayang kulit. Sehingga hari ini, telah banyak menghasilkan dan membekal alat-alat muzik tradisional seperti set dikir barat, set gendang silat, set wayang kulit serta kompang di sekolah-sekolah, institusi pendidikan, dan pejabat-pejabat kerajaan di sekitar negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Perak, Kuala Lumpur dan Langkawi. Antara sumbangannya menubuhkan Kumpulan Muzik Mak Yong, Kumpulan Persembahan Wayang Kulit versi baharu, Kompang Kelantan, Pasukan Gamelan, Kumpulan Dikir Laba, Pasukan Gendang Silat dan menginovasikan satu alat muzik yang diperbuat daripada buluh iaitu gendang kecapi.



## LAWATAN KE PUSAT KRAF PERTUKANGAN EMAS PERAK KELANTAN

Sesi lawatan Creative Techno Park ke Pusat Kraf pertukangan Emas Perak Kelantan . Antara perbincangan adalah kerjasama dari segi aspek kamahiran dan nilai sejarah kraf di Kelantan. Keadaan ini dapat membuka peluang ekonomi kepada Universiti Malaysia Kelantan khususnya.



## LAWATAN KE KELAB HASNAF KAMPUNG PENKALAN CHEK SENIK BARUH BADAK KEMUDI BACHOK

Program lawatan ke kelab Hasnaf Kampung Pengkalan Chek Senik Baruh Badak Kemudi Bachok. CTP akan berkerjasama dengan kelab ini untuk menjayakan beberapa projek yang akan di jalankan di sekitar Kampung Chek Senik, Kemudi. Antara projek yang akan dijalankan untuk golongan hasnaf ialah membangunkan sistem bekalan air bersih, perternakan ikan dalam sangkar dan rumah rakit.



## PENANAMAN BULUH DI LOJING GUA MUSANG

Lawatan tapak projek pembangunan dan pertanian untuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK) iaitu penanaman Buluh di Lojing Gua Musang seluas 1500 ekar serta akan menyumbangkan penjanaan pendapatan kepada UMK.



## LAWATAN KE TAPAK PROJEK PENYELIDIKAN TANAMAM BULUH DI LOJING GUA MUSANG

Creative Techno Park (CTP) akan menubuhkan Bamboo Heritage dan rumah Orang Asli di dalam Kampus Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bachok. Projek ini merupakan yang pertama kali dipelopori oleh Universiti Awam Malaysia. UMK akan meneraju projek ini untuk menjadikan salah satu HUB pelancongan di dalam kampus. Dengan adanya perkampungan ini nanti, ianya akan menjana pendapatan Universiti dalam tempoh loima (5) tahun.

Di samping itu juga UMK menjadi tempat rujukan penyelidik bagi senibina rumah-rumah buluh di Malaysia. Cadangan bamboo heritage dan perkampungan orang asli juga boleh membantu para pelajar menambah pengalaman dalam seni reka yang mereka pelajari di Universiti.



## KERJA-KERJA PEMBERSIHAN SEMAK SAMUN DAN MEMASANG BANNER YANG BARU PINTU GERBANG DI TAPAK CREATIVE TECHNO PARK

25 OKTOBER 2021



## LAWATAN PENANDA ARAS DI JERAM MENGAJI AGRO RESORT BERSAMA WAKIL PEGAWAI PEJABAT PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

03 NOVEMBER 2021



## LAWATAN DAN TEST DRIVE OLEH WAKIL JPT KE PUSAT LATIHAN PEMANDUAN PROFESIONAL 4X4 UMK

Sesi Taklimat ringkas yang disampaikan oleh Pengarah CTP kepada wakil JPT berkenaan Modul Kursus Pemanduan Profesional 4x4 dan juga Pandu Uji di litar 4x4 UMK Bachok pada 09 November 2021.



## SESI PERBINCANGAN PROGRAM EDUCATION XTREME SPORTS @ UMK

Creative Techno Park (CTP) dalam perancangan akan membangunkan satu Taman Tema yang di dalamnya terdapat trek sukan lasak di Kampus Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bachok. Projek ini merupakan yang pertama kali dipelopori oleh Universiti Awam Malaysia. UMK akan menerajui projek ini untuk menjadikan salah satu HUB perlancongan di dalam kampus. Dengan adanya Taman Tema ini nanti, ianya akan menjana pendapatan Universiti dalam tempoh 5 tahun akan datang. Disamping itu juga UMK akan menjadi tempat tumpuan para penggemar sukan - sukan lasak di seluruh negara.



## LAWATAN KE TAPAK PROJEK PERKAMPUNGAN BUDAYA DAN WARISAN

Creative Techno Park (CTP) akan membangunkan perkampungan budaya dan warisan iaitu perkampungan rumah masyarakat orang Asli di dalam Kampus Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bachok.



## SESI PERBINCANGAN PERKAMPUNGAN CONTOH MASYARAKAT ORANG ASLI DI UMK KAMPUS BACHOK BERSAMA PENGARAH JAKOA



## SESI WEBINAR "TEACHER TO TEACHER A MUSIC EDUCATOR'S SURVIVAL

Sesi webinar ini bersama pengarah CTP, En. Mohd Aswawi Bin Isa bersama Mohd Huzaire Bin Hj Ahmad Guru Muzik SK Felda Membaga 2, Pahang yang dihoskan oleh moderator YM Raja Nadiah Binti Raja Zaharuddin Shah.



## BUAL BICARA GAMELAN

Bual bicara ini diadakan secara atas talian bersama pengarah CTP, En. Mohd Aswawi Bini Isa, Cik Nuraishah Binti Abdul Jalil Penceramah jemputan dan juga En. Zapri Bin Mohd Zain Guru Muzik SMK Meranti dan juga selaku Fasilitator UMK.



## MISI BANTUAN BANJIR SEKITAR PAHANG DAN SELANGOR

Creative Techno Park (CTP), telah mengambil inisiatif dengan menggerakkan sukarelawan di dalam kalangan staf dan pelajar UMK bersama-sama turun padang bagi membantu mangsa-mangsa banjir bagi menjalankan operasi pembersihan di kawasan sekitar Pahang dan Selangor. Gerak kerja ini dijalankan dengan kerjasama beberapa orang usahawan dan rakan industri UMK iaitu PKT Logistik yang mengkoordinat pergerakan dan penempatan sukarelawan UMK.



**RANCANGAN REALITI SHOW (MOHE STAR BIZ CHALLENGE) TAIKUN MUDA 2021 ANJURAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, PENYIAR RASMI TV ALHIJRAH DAN PRODUKSI ORANG TV SERTA BEBERAPA RAKAN STRATEGIK KEUSAHAWANAN DAN INDUSTRI.**

13 DISEMBER 2021 – 27 JANUARI 2022





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

BAB  
07


**AGRO TECHNO PARK**

## LATAR BELAKANG

Agro Techno Park merupakan sebuah platform berteraskan keusahawanan dan teknologi pertanian yang terletak di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Agro Techno Park UMK mempunyai kawasan seluas 120 ekar yang terdiri daripada dua kawasan pertanian iaitu Agro Techno Park UMK Bachok dan Agro Techno Park UMK Kampus Jeli.



Kekuatan staf di ATP adalah seramai 11 orang yang dianggotai oleh seorang Pengarah, dua (2) orang Pegawai Pertanian Kanan, dua (2) orang Penolong Pegawai Pertanian dan enam (6) orang Pekerja Sambilan Harian (PSH).



RM 68,783.80

- Penjanaan Pendapatan ATP sehingga 2021

3744 Pot

- Tanaman sawi dan kailan Secara *Nutrient Film Technique* (NFT)

1000 Ekor

- Ternakan Puyuh Pedaging Dan Penelur

740 Pokok

- Tanaman Rock Melon Secara Fertigasi

300 Pokok

- Tanaman Terung Secara Fertigasi

270 Pokok

- Tanaman Pokok Kelapa (*Variti Pandan & Malayan Tall*)

120 Ekar

- Keluasan Tanah ATP UMK (120 Ekar - ATP Bachok & 45 Ekar - ATP Jeli)

100 Ekar

- Ternakan Itik Penelur (*Baka Khaki Campbell*)

60 Ekar

- Keluasan Tanaman Padi

18 Ekor

- Ternakan Lembu Baka Kedah Kelantan (KK)

15 Ekor

- Ternakan Kambing (*Boer, Jamnapari & Sanan*)

5 Ekar

- Plot Tanaman Germplasm Durian (120 Pokok)


2.5 Ekar

- Plot Kawasan Nurseri

## RINGKASAN PELAPORAN ATP

## KERJA-KERJA PENUKARAN POKOK HIASAN DI BANGUNAN CANSELORI

ATP BACHOK, 02 JANUARI 2021 – Pihak ATP telah menggantikan keseluruhan bunga-bunga hidup sedia ada di Bangunan Canselori dengan bunga baharu. Ia merupakan penggantian yang pertama dari pihak ATP semenjak perkhidmatan menyediakan bunga-bunga hidup di bangunan tersebut pada Jun 2020 yang lepas.



## PERBINCANGAN BERHUBUNG POTENSI KOLABORASI ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) DENGAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)

ATP, 10 JANUARI 2021 – ATP melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah berkunjung ke Pejabat KADA bagi mengadakan perbincangan berhubung potensi Kolaborasi antara UMK – KADA. Perbincangan ini telah dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Pengarah Kanan RMIC, Pengarah ICD, Dekan FPV dan wakil dari FIAT. Dalam perbincangan bersama pihak KADA tersebut, ATP telah memfokuskan kerjasama berkaitan tanaman padi di UMK Bachok seluas 60 ekar untuk dibangunkan bersama pihak KADA serta melihat semula MoU UMK-KADA yang telah ditandatangani pada tahun 2018. ATP mengadakan kolaborasi padi bersama KADA kerana pihak KADA mempunyai kepakaran berkaitan tanaman padi secara Ladang Merdeka untuk dilaksanakan di UMK Bachok dengan keluasan padi sedia ada.



## PENJUALAN HASIL PRODUK AGRO TECHNO PARK DI UMK BACHOK DAN KAMPUS KOTA

ATP JELI, 12 JANUARI 2021 - Agro Techno Park telah mengadakan jualan daging puyuh sejuk beku ke UMK Bachok dan Kampus Kota. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan aktiviti jualan hasil produk berjalan dengan lancar. Melalui jualan ini, ATP telah mendapat hasil jualan sebanyak RM 880.00.



## PROGRAM PERSAMPELAN DARAH BAGI TERNAKAN KAMBING DAN LEMBU UNTUK PERAKUAN KESIHATAN TERNAKAN BEBAS DARI PENYAKIT " ZONOTIC "



ATP JELI, 25 JANUARI 2021 - ATP telah menjalankan aktiviti mengambil sampel darah bagi mendapatkan keputusan ujian penyakit 'zoonotic' pada ternakan lembu dan kambing di ATP UMK Kampus Jeli. Aktiviti ini dijalankan dengan kerjasama staf ATP dan Pejabat Veterinar Jajahan Jeli bagi mendapatkan keputusan penyakit untuk perakuan kesihatan ternakan tersebut adalah bebas dari penyakit 'zoonotic'.

## LAWATAN TNCPI KE NURSERI

NEURSERI ATP BACHOK, 26 JANUARI 2021 – Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah melawat nurseri ATP Bachok untuk melihat perkembangan terkini nurseri berkenaan. Lawatan ini bermula jam 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi. Beliau mencadangkan supaya nurseri ini ditambahbaik dengan memasukkan beberapa koloni kelulut untuk showcase. Selain itu, TNCPI mencadangkan juga supaya ATP berbincang dengan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) supaya menyediakan bunga bagi majlis konvokesyen pada bulan April nanti.



## PENJUALAN HASIL PRODUK AGRO TECHNO PARK DI UMK KAMPUS JELI

ATP JELI, 26 JANUARI 2021 - Agro Techno Park telah mengadakan jualan sayur-sayuran dan ulaman di sekitar UMK Kampus Jeli. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan aktiviti jualan hasil produk berjalan dengan lancar.



## KERJA-KERJA MEMETIK KELAPA DI UMK BACHOK

LADANG ATP, 27 JANUARI 2021 – Kerja-kerja memetik kelapa tua telah dilakukan oleh pembeli di sekitar UMK Bachok. Kerja-kerja ini telah mengambil masa selama dua (2) hari untuk memetik keseluruhan kelapa di UMK. Hasil daripada kerja-kerja ini, ATP telah mendapat hasil sebanyak 202 biji kelapa tua besar dan 108 biji kelapa tua kecil dengan jualan sebanyak RM256.00.



## PEMBANGUNAN DAN MENGEMAS KINI LAMAN SESAWANG AGRO TECHNO PARK (ATP)

ATP JELI DAN BACHOK, 23 FEBRUARI 2021 – Laman sesawang ATP telah berjaya dibangunkan dan dikemas kini oleh YBrs. Pengarah ATP. Semua maklumat mengenai ATP seperti latar belakang ATP di Kampus Jeli dan Bachok, maklumat mengenai staf ATP, kemudahan ATP, produk ATP, perkhidmatan ATP, aktiviti-aktiviti terkini ATP serta kolaborasi ATP dengan pihak luar telah dipaparkan di dalam laman sesawang ATP.



## LAWATAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) KE AGRO TECHNO PARK (ATP)

ATP BACHOK, 28 FEBRUARI 2021 - Pihak KADA telah membuat lawatan ke ATP untuk melawat sawah padi yang terdapat di UMK Bachok seluas 60 ekar. Lawatan ini telah dihadiri oleh dua (2) orang wakil dari KADA yang disambut oleh Pengarah ATP. Lawatan ini merupakan lawatan pertama dari KADA selepas perjumpaan perbincangan berhubung potensi kolaborasi antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) pada 10 Januari 2021 .



## PEMANTAUAN DAN KHIDMAT NASIHAT DARI PENGARAH ATP KEPADA STAF BERKAITAN SISTEM PENANAMAN SAYURAN DI LADANG ATP

ATP JELI, 11 MAC 2021 - Pengarah ATP telah hadir ke lapangan kerja untuk pemantauan kemajuan pelaksanaan aktiviti di ATP dan memberi pandangan dan nasihat berkaitan teknik penanaman sayuran menggunakan kaedah nutrient film technique (NFT) di sini.



## SESI PEMERIKSAAN KENDIRI PERSEKITARAN TEMPAT KERJA DAN FAIL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI ATP

ATP JELI, 18 MAC 2021 – ATP telah menjalankan pemeriksaan sendiri persekitaran tempat kerja dan fail keselamatan dan kesihatan pekerjaan di ATP. Pemarkahan Audit JPKKP secara sendiri dari Agro Techno Park telah dihantar kepada pihak CmeOSH untuk tindakan selanjutnya.



## SESI RAKAMAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TERHADAP TERNAKAN KAMBING ATP BERSAMA PENCERAMAH JEMPUTAN DARI UPM

ATP JELI, 21 MAC 2021 – Satu sesi rakaman video telah diadakan oleh pensyarah Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dengan jemputan pensyarah dari UPM iaitu Prof. Madya Dr. Mashitah berkaitan kaedah diagnosis kebuntingan ternakan kambing menggunakan 'ultrasound scanner', kaedah mengumpul simen kambing dan menganalisa sperma ternakan tersebut. Sesi rakaman tersebut telah berjaya dijalankan dengan lancar dan sempurna.



## PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA DAN FAIL PERSEKITARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN OLEH PIHAK CMEOSH UMK

ATP JELI, 23 MAC 2021 – Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) telah hadir membuat pemeriksaan persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan tempat kerja di pejabat ATP. Pemeriksaan dijalankan dengan lancar dan kerjasama telah diberikan sepenuhnya sepanjang sesi pemeriksaan tersebut dari pihak ATP.



## PENTERNAKAN ITIK PENELOR UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SERTA PENJANAAN PENDAPATAN KEPADA UNIVERSITI

ATP JELI, 22 APRIL 2021 – ATP telah mula menjaiankan aktiviti penternakan itik penelor jenis Kinaki Camppeil di ATP UMK Kampus Jeli. Sebanyak 100 ekor ternakan itik penelor telah dibawa masuk ke ladang ATP untuk dijadikan rujukan semasa pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dan pensyarah serta penjanaian pendapatan kepada universiti.



## PENANAMAN ROCK MELON UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SERTA PENJANAAN PENDAPATAN KEPADA UNIVERSITI

ATP BACHOK, 22 APRIL 2021 – ATP telah mula menjalankan penanaman rock melon variati “Golden Melon” di UMK Bachok. Sebanyak 370 pokok telah ditanam dengan menggunakan sistem fertigasi (smart farming) untuk dijadikan rujukan terhadap pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dan warga universiti yang ingin mempelajari sistem ini secara teknikal bagi tujuan menambahkan ilmu berkaitan sistem tersebut.



## LAWATAN URUS SETIA MAJLIS KONVOKESYEN UMK KE NURSERI AGRO TECHNO PARK

ATP BACHOK, 25 APRIL 2021 – Nurseri ATP telah dikunjungi oleh urus setia Istiadat Konvokesyen UMK bertujuan melihat kesesuaian tanaman di Nurseri ATP untuk dijadikan dekorasi Istiadat Konvokesyen UMK pada bulan oktober 2021. Selain daripada itu, satu perbincangan ringkas juga telah diadakan di nurseri tersebut terhadap tema dan kesesuaian tanaman/bunga untuk diletakkan di Istiadat Konvokesyen tersebut. Kunjungan ini juga telah dihadiri oleh wakil Bahagian Pentadbiran Akademik, 3PI dan wakil FAE yang disambut oleh pengarah ATP.



## PEMANTAUAN DAN PENYELENGGARAAN TERHADAP TANAMAN DURIAN DI PLOT GERAMPLASM UMK

ATP JELI, 13 JUN 2021 – Aktiviti pemantauan dan penyelenggaraan terhadap pertumbuhan tanaman durian di plot germplasm durian UMK seluas lima (5) ekar sentiasa dilaksanakan bagi memastikan pertumbuhan pokok durian dapat membesar dengan sihat dan subur.



## PENTERNAKAN PUYUH PEDAGING DAN PENELOR BAGI TUJUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DAN PENJANAAN PENDAPATAN

ATP, 11 JULAI 2021 – ATP telah menjalankan aktiviti penternakan puyuh pedaging dan penelur di reban puyuh ATP UMK Kampus Jeli. Sebanyak 1000 ekor anak puyuh sedang ditenak untuk penghasilan produk daging dan telur puyuh untuk jualan. Projek ini dijadikan 'showcase' kepada warga UMK dan masyarakat umum serta penjaan pendapatan universiti.




## KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN LADANG BUAH-BUAHAN DI UMK BACHOK

ATP, 26 JULAI 2021 – Pihak ATP telah menjalankan kerja-kerja pembersihan kawasan ladang buah-buahan yang sedia ada di UMK Bachok. Antara buah-buahan dalam plot tersebut ialah pokok durian, pokok rambutan dan pokok dokong. Kesemua tanaman tersebut telah mula dituai pada penghujung bulan Oktober 2021.



## KELAHIRAN PERTAMA ANAK KAMBING BAKA BOER DI ATP

ATP, 27 JULAI 2021 – ATP telah menerima kelahiran seekor anak kambing baka boer di Ladang ATP 2 UMK Jeli. Proses kelahiran tersebut berjalan lancar dan keadaan ibu serta anak kambing berada dalam keadaan sihat dan cergas. Jantina bagi anak yang baru dilahirkan tersebut adalah jantan.



## PENJUALAN TELUR ITIK DI UMK BACHOK DAN UMK KAMPUS JELI SERTA KAWASAN SEKITAR YANG BERDEKATAN

ATP, 04 OGOS 2021 – ATP telah menjalankan aktiviti jualan telur itik di sekitar UMK Bachok dan UMK Kampus Jeli serta di kawasan berdekatan kampus. Perkhidmatan secara cash on delivery (COD) kepada pelanggan yang berada di sekitar UMK Bachok dan UMK Kampus Jeli diadakan bagi memudahkan urusan jual beli kepada pelanggan dan seterusnya melancarkan jualan hasil telur semasa dalam perintah kawalan pergerakan (PKP). Jualan telur itik tersebut mendapat sambutan daripada kakitangan UMK dan masyarakat setempat.



## PENJUALAN DAGING PUYUH DI UMK BACHOK DAN UMK KAMPUS JELI SERTA KAWASAN SEKITAR YANG BERDEKATAN

ATP, 11 OGOS 2021 – ATP telah menjalankan aktiviti jualan daging puyuh dan telur itik segar di sekitar UMK Bachok dan UMK Kampus Jeli. Perkhidmatan secara cash on delivery (COD) kepada pelanggan yang berada di UMK Bachok dan UMK Kampus Jeli diadakan bagi memudahkan urusan jual-beli kepada pelanggan dan seterusnya melancarkan jualan hasil daging puyuh semasa dalam perintah kawalan pergerakan (PKP). Jualan daging puyuh tersebut mendapat sambutan daripada kakitangan UMK dan masyarakat setempat.



## KELAHIRAN PERTAMA ANAK KAMBING BAKA JAMNAPARI DI ATP

ATP, 26 OGOS 2021 – ATP telah menerima kelahiran dua (2) ekor anak kambing baka jamnapari di Ladang ATP 2 UMK Jeli. Proses kelahiran tersebut berjalan lancar dan keadaan ibu serta anak kambing berada dalam keadaan sihat dan cergas. Jantina anak-anak kambing yang baru dilahirkan tersebut adalah jantan dan betina (sepasang).



## PEMILIHAN TANAMAN NURSERI DARI ATP UNTUK DIGUNAKAN SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN UMK KALI KE-10 & KE-11

ATP, 13 SEPTEMBER 2021 – Kehadiran Dr. Wan Saiful Nizam Bin Wan Mohamad selaku ahli Jawatankuasa Dekorasi Istiadat Konvokesyen UMK Kali Ke-10 & Ke-11 ke nurseri ATP bagi tujuan pemilihan pokok-pokok bunga untuk digunakan bagi tujuan dekorasi sempena konvokesyen pada bulan November 2021. Antara spesis pokok yang akan digunakan adalah Melor, Heliconia, Indian Lauren Fiq, Button Orchid dan Small Screwpine.



## PENANAMAN TERUNG SECARA FERTIGASI

ATP, 23 SEPT 2021 – ATP telah menjalankan aktiviti penanaman terung secara fertigasi di rumah pelindung hujan (RPH) ATP 2. Sebanyak 150 pokok tanaman terung sedang diselenggara dan kerja-kerja penuaian hasil dilaksanakan secara berperingkat. Projek ini dijadikan 'showcase' kepada warga UMK dan masyarakat umum serta penajaan pendapatan universiti.



## PENANAMAN SAYURAN SECARA NUTRIENT FILM TECHNIQUE (NFT)

ATP, 03 OKT 2021 – ATP telah menjalankan aktiviti penanaman sayuran secara nutrient film technique (NFT) di rumah teduhan, ATP 2. Sebanyak 500 point tanaman sayuran telah ditanam dan diselenggara secara berperingkat. Projek ini dilaksanakan untuk dijadikan 'showcase' kepada warga UMK dan masyarakat umum serta penajaan pendapatan universiti.



## PERSEDIAAN KAWASAN PLOT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) KEPADA PELAJAR DAN PENSYARAH UMK

ATP JELI, 25 OKT 2021 – ATP telah membantu pensyarah dan pelajar dalam penyediaan plot P&P yang melibatkan kerja-kerja pembajakan untuk aktiviti penanaman tanaman kontan di sini. Staf ATP juga terlibat dalam penyediaan bahan dan peralatan serta pemantauan terhadap aktiviti penanaman semasa kelas P&P berlangsung.



## PENJUALAN TERNAKAN LEMBU HIDUP DI UMK KAMPUS JELI

ATP, 15 NOV 2021 – ATP telah menjalankan aktiviti jualan ternakan lembu hidup di sini. Sebanyak lima (5) ekor lembu telah berjaya dijual manakala dua (2) ekor lagi telah ditempah dan akan diambil oleh pembeli pada bulan Januari 2022 dengan harga mengikut berat terkini. Melalui jualan sebanyak lima (5) ekor ternakan tersebut, ATP telah mendapat bayaran RM 16,200.00 dari pembeli dan telah disalurkan ke dalam Tabung Amanah TNCPI-ATP.



## PROGRAM PEMASANGAN PERANGKAP KERA BERSAMA PIHAK PEMBEKAL DAN PEJABAT PERHILITAN JAJAHAN JELI

ATP, 15 NOV 2021 – Pusat Pentadbiran Kampus Jeli (PPKJ) telah membuat pembelian sebuah perangkap kera bagi menangani masalah haiwan liar ini yang berkeliaran merosakkan tanaman dan haiwan ternakan di sekitar Kampus Jeli. Inisiatif ini dilaksanakan oleh PPKJ bersama Pejabat Perhilitan Jajahan Jeli, Pihak Keselamatan UMK dan Agro Techno Park (ATP). Pemasangan perangkap kera secara berkala akan membantu mengurangkan populasi kawanan kera dan seterusnya kerosakan terhadap tanaman dan ternakan yang dialami oleh pensyarah, pelajar dan staf dapat dibendung.



## PROGRAM "ARTIFICIAL INSEMINATION" TERHADAP TERNAKAN KAMBING DI ATP

ATP, 12 DIS 2021 – ATP telah berjaya membuat proses pembiakbakaan "artificial insemination (A.I)" terhadap tujuh (7) ekor ternakan kambing dengan menggunakan perkhidmatan (A.I) dari benih pembaka syarikat luar. Program ini telah diselaraskan sekali bersama-sama pensyarah dan juga pelajar dari Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) untuk diberi pendedahan kepada pelajar secara fizikal.



## MESYUARAT PENGGUNAAN TANAH KAWASAN PADI DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ATP, 14 DIS 2021 – Satu mesyuarat penggunaan tanah kawasan padi di UMK bersama pengusaha padi, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), dan Pertubuhan Peladang Kawasan Repek Telong telah diadakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) yang dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (3PI) UMK dengan kehadiran seramai 23 orang peserta dari agensi luar dan pengusaha. Tujuan mesyuarat ini diadakan untuk memaklumkan kepada peserta tentang kawasan padi yang diusahakan oleh mereka akan dijadikan projek jalan dan pagar perimeter UMK yang akan dilaksanakan pada 25 April 2022 -24 Oktober 2024.





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

BAB  
08

# PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN

## PENCAPAIAN KPI

GERAN  
PENYELIDIKAN

PENYELIAAN

PENYELIAAN

ANUGERAH/  
PENCAPAIAN

JARINGAN  
KERJASAMA

JARINGAN  
KERJASAMA

PENERBITAN

AKTIVITI/  
PROGRAM

PENY

ANU  
PEN

PEN

## DANA DAN GERAN PENYELIDIKAN



### GERAN PENYELIDIKAN 2021

PNB - InsPeK UMK Jiwa Asnaf 2021	Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) - "BPMB - InsPeK & Pusat Islam UMK Merekayasa Pelajar Asnaf"
Bank Rakyat - InsPeK UMK Perusahaan Sosial Digital	Regional Network on Poverty Eradication (RENPER)
Agrobank - Program Pemerkasaan Kapasiti Kumpulan Wanita Nelayan Tok Bali Untuk Peningkatan Pengeluaran Produk Ikan Lunak	Bank Rakyat Unipreneur Pilot Program Deck
Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM) - Projek Pengembangan Perusahaan Cendawan Tiram	Sistem I-Needs
	Program Environmentally Friendly Rice Farming Towards Empowering Farm Seligi

## PENYELIAAN

### PENYELIAAN PELAJAR PASCASISWAZAH

Nama Penyelia	Nama Pelajar Dan Tajuk	Peringkat Pengajian
Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail	<b>MOHD HAFIZ BIN ROSLI</b> Komunikasi Dalam Pembangunan Imej Organisasi	Sarjana (Penyelia Utama)
Prof. Madya Dr. Azwan bin Abdullah	<b>SITI HANIS BINTI MOHD SHAMMA</b> Model Literasi Kewangan Islam Dalam Kalangan Isi Rumah M40	Sarjana (Penyelia Utama)
Dr. Nurhanan binti Abdul Rahman	<b>CHANDRA SEKHAR ARIGELA</b> Effect Of Pharmacomechanism Of Action Of Bitter Guard Honey In A Streptozotocin Induced Type 2 Diabetic Rats	PhD (Penyelia Utama)
	<b>CHAN KE XIN</b> Synergetic Effect of Bitter Gourd Honey with Treated Cornsilk Extract on In Vitro Antioxidant and Antidiabetic Activities	Sarjana (Penyelia Utama)
	<b>MUHAMMAD HANIF BIN ROSDI</b> Study on Structure and Kinetic of High Pressure Toli Shad (Tenulosa Toli) Marinated with Fruit Paste	Sarjana (Penyelia Utama)
Dr. Tengku Fauzan binti Tengku Anuar	<b>Huang Xi</b> ( <i>International Candidate</i> ) User Acceptance Model of the Explainer Medical Research Videos Featuring 3D Animations for Medical Trainees in China	PhD (Penyelia Utama)
	<b>Ren Chenyang</b> ( <i>International Candidate</i> ) The Impact Model of Visual Communication Design for awareness Campaign During Pandemic Covid-19	Sarjana (Penyelia Utama)
	<b>Nur Farhana Binti Shuhaimi</b> Impak Pembangunan Aplikasi Augmented Reality (AR) Pada Monumen Kubu Peperangan British di Kelantan Terhadap Industri Pelancongan Warisan	Sarjana (Penyelia Bersama)
	<b>Sathis Rao A/L Chinniah</b> User Acceptance of Creative City Branding in Accelerating Malaysia Tourism Industry Post Covid-19 State Recovery	Sarjana (Penyelia Utama)
	<b>Shi Yitian</b> ( <i>International Candidate</i> ) User Acceptance on the Packaging Design of Portable Instant Coffee-Based on the Consumption Experience of Working People	Sarjana (Penyelia Utama)

## ANUGERAH/PENCAPAIAN



**MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE 2021)**

**Human Capital Empowerment with the Branding of Ikan Enterprise Bekok Tumpat: Social in Local Knowledge Practices Accelerating Community Economic Growth**  
Dr. Tengku Fauzan binti Tengku Anuar



**CARNIVAL OF RESEARCH AND INNOVATION VIRTUAL INTERNATIONAL EDITION (CRI 2021)**

i-KFC

Prof. Madya Dr. Azwan bin Abdullah

**CARNIVAL OF RESEARCH AND INNOVATION VIRTUAL INTERNATIONAL EDITION (CRI 2021)**

**Augmented Reality (AR) Nation's Pillars Street Art in Kota Bharu for Urban Regeneration and Tourism**  
Dr. Tengku Fauzan binti Tengku Anuar

**MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE 2021)**

**New Social Enterprise Framework for Inclusive Socioeconomic Growth among Fisherman's Wives through Ikan Lunak Fish product in Tok Bali, Kelantan**  
Dr. Nurhanan binti Abdul Rahman



**CARNIVAL OF RESEARCH AND INNOVATION VIRTUAL INTERNATIONAL EDITION (CRI 2021)**

**Sweet Potato and Black Bean Pasta**


Dr. Nurhanan binti Abdul Rahman



**MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE 2021)**

**Human Capital Empowerment with the Branding of Ikan Enterprise Bekok Tumpat: Social in Local Knowledge Practices Accelerating Community Economic Growth**  
Dr. Tengku Fauzan binti Tengku Anuar

## ANUGERAH/ PENCAPAIAN 2020 & 2021



## JARINGAN KERJASAMA



- Urusetia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan (UKEKWA)
- ALBukhary International University (AIU)
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
- Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM)
- Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ)
- Bank Islam Malaysia Berhad

**PENERBITAN**


Bil.	Paper Index	Senarai Penerbitan
1.	Web of Science (WoS)	<p>1. <b>W. A. Amir Zal</b>, Hafizi, M. S., Zailani, A., Noor Hisham, M. Dr. Azwan, A., Nurhanan, A. R., Tengku Fauzan, T. A., Ahmad Fahme, M. A., Wan Azlee, W. A. (2021). Wan Suzanna, A. A. W. I.b, Siti Asma, M. R.b &amp; Tuan Muhammad Zukri, T. S.b. How Does the Movement Control Order 1.0 Form Situational Poverty In Malaysia? Development. In printing.</p> <p>2. Zulhisyam Abdul Kari, Muhammad Anamul Kabir, Khairiyah Mat, Nor Dini Rusli, Po Teen Lim, Mohammad Khairul Azhar Abdul Razab, Mahmoud A.O. Dawood, Mohd Hafiz Jamaludin, <b>W.A. Amir Zal</b>, Siddharta Pati &amp; Lee Seong Wei (2021). A Review of Potential Fermented Soy Pulp As An Alternative To Fish Meal As Protein Source For Aquaculture Industry. Journal of Sustainability Science and Management. In printing.</p> <p>3. <b>W. A. Amir Zal</b>, Burhan C. D., Hood, S., Mustaffa, O. &amp; Sharina A. H. (2021). Explaining Community Capitals Change In Negrito Malaysia Based On Longitudinal Panel Study Framework. Community development Journal, in printing.</p> <p>4. Ahmad Fahme Mohd Ali, <b>W. A. Amir Zal</b>, Nurasyikin Ghazali, Ruzanifah Kosnin &amp; Naiziatul Aziah Mohd Radzi (2021). Waqf As A Medium For Community Development: A Review On Literature From 2010 To 2020. Library Philosophy and Practice (e-journal). <a href="https://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/5931">https://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/5931</a>. ISSN: 1522-0222.</p> <p>5. Beng Chew Lim, Adeline Shu Ting Tan, Chi Huey Ng, Arham Abdullah, <b>W. A. Amir Zal</b> &amp; Jidon Janaun (2021). Solar Drying Characteristics of Palm Fruitlet Under Natural Convection. Transactions On Science and Technology, 8(3-3), 432-438.</p> <p>6. Ayuni Nasrin Binti Mohd Sukiri, Adeline Shu Ting Tan, Chi Huey Ng, Arham Abdullah, <b>W. A. Amir Zal</b> &amp; Jidon Janaun (2021). Drying Characteristics and Nutritive Analysis of Coffee Beans Under Different Drying Methods. Transactions on Science and Technology, 8(3-3), 439-444.</p> <p>7. Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok &amp; <b>W. A. Amir Zal</b> (2021). Formal education and empowerment of the fishing community in Terengganu, Malaysia. Journal of Nusantara Studies (JONUS), in printing.</p> <p>8. Muhammad, S. A., <b>Anuar, T. F. T.</b>, &amp; Hanafi, N. N. H. (2021). Visualization Process of Temporary Converted Facilities to Accommodate Quarantine and Treatment Centre (PKRC) Layouts in Malaysia Agriculture Expo Park Serdang (MAEPS). Environment-Behaviour, General Psychology, and Quality of Life.</p> <p>9. Hashim, N. A., Muhammad, S. A., <b>Anuar, T. F. T.</b>, Zahar, I., &amp; Shuhaimi, N. F. (2021). Public Awareness of British Pillboxes in Bachok, Kelantan from a Heritage Tourism Perspective. Environment-Behaviour Proceedings Journal, 6(18), 219-229.</p>
2.	Scopus	<p>1. <b>Azwan Abdullah</b>, Muhammad Zulfaris Mohd Salleh, Noorshella Che Nawi, Mohd Nazri Zakaria, Adibah Alawiah Osman. Does Customer Knowledge on Islamic Financial Planning is Crucial for Islamic Credit Cards Users? Turkish Journal of Computer and Mathematics Education Vol.12 No.3 (2021), 2592-2596</p> <p>2. <b>Azwan Abdullah</b>, Muhammad Zulfaris Mohd Salleh, Mohd Nazri Zakaria, Rooshihan Merican Abdul Rahim Merican, Noormariana Mohd Din, Mohd Zulkifli Muhammad, Mohd Ikhwan Aziz, Azizi Abu Bakar (2021). Business Zakat As Poverty Eradication Mechanism. Journal of Management Information and Decision Sciences Volume 24, Special Issue 6</p> <p>3. M. H. Md Zaki, C. N. Noorshella, <b>A. Azwan</b>, Ab. R. Anis Amira, and M. Mahathir (2021). Self-esteem and perceived academic control towards well-being emotion among wellness students. AIP Conference</p>

		<p>4. M. Mohd Zulkifli, A. Hanudin, W. Z. W. Farha, <b>A. Azwan</b>, H. R. Razman, M. Mahathir, and H. R. Ratna. Unlimited human wants: The critical view from Islamic economics perspective. AIP Conference Proceedings 2347, 020091 (2021); <a href="https://doi.org/10.1063/5.0051625">https://doi.org/10.1063/5.0051625</a></p> <p>5. Hallieyana Sha'ari, Nurul Fazlina Mat Zin &amp; <b>Azwan Abdullah</b> (2021) Peranan dan Cabaran Institusi Ar-Rahnu dalam Membantu Usahawan Mikro Wanita. RABBANICA Vol. 2, No.2 (November 2021) e-ISSN: 2756-7893/ISSN: 2773-5583</p> <p>6. Nasir, S. M., Hamid, H., <b>Anuar, T. F. T.</b>, Marzuki, I. N., Ariffin, M. A., &amp; Tan, T. G. (2021, July). The use of character-driven in educational comics to promote engagement in classroom. In AIP Conference Proceedings (Vol. 2347, No. 1, p. 020185). AIP Publishing LLC.</p> <p>7. Tsuji Shyuji, Tengku Fauzan Tengku Anuar and Arif Daetom. 2021. Heritage value, sustainability, and commercialization of smoked clam (etak salai) in Kelantan, Malaysia. Kajian Malaysia.</p>
3.	Conference	<p>1. <b>W. A. Amir Zal</b>, Azwan Abdullah, Nurhanan Abdul Rahman, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok, and Zailani, A. (2021). How The Pandemic Covid-19 Had Forming a Situational Poverty in Malaysia? The 9th International Virtual Conference of Regional Network on Poverty Eradication (September 13, 2021), p.g. 15-30.</p> <p>2. Azwan Abdullah, <b>W. A. Amir Zal</b>, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Nurhanan Abdul Rahman, Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok and Mohd Nazri Zakaria (2021). Strengthening Financial Literacy Among the B40 Community in Malaysia for Poverty Eradication: Challenges and Strategies. The 9th International Virtual Conference of Regional Network on Poverty Eradication (September 13, 2021), p.g.</p> <p>3. Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok and <b>W. A. Amir Zal</b> (2021). Social capital and empowerment of the coastal fisher community in Terengganu, Malaysia the 9th International Virtual Conference of Regional Network on Poverty Eradication (September 13, 2021).</p> <p>4. Tengku Fauzan Tengku Anuar, Salini Aina Mamat, <b>W. A. Amir Zal</b>, Azwan Abdullah, Nurhanan Abdul Rahman and Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok (2021). COVID-19 Framework on Human Capital Development of Single Mothers in Kelantan, Malaysia, Malaysia. The 9th International Virtual Conference of Regional Network on Poverty Eradication (September 13, 2021).</p> <p>5. Nurhanan, A.R, Nurfarahain, S., <b>W. A. Amir Zal</b>, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok, Azwan Abdullah, Minerals Composition of Ikan Lunak fish products produced by KUNITA Tok Bali Malaysia community during knowledge transfer programme. The 9th International Virtual Conference of Regional Network on Poverty Eradication (September 13, 2021), p.g. 211-218.</p> <p>6. Analysis of Space Management Following the Successful Transformation of the Malaysia Agriculture Expo Park Serdang (MAEPS) into a Low Risk COVID-19 Quarantine and Treatment Centre. KMICe2021</p> <p>7. Utilising Augmented Reality (AR) Street Art to Revitalise A Deserted Alley in Kota Bharu, Kelantan through Creative Placemaking: A Visual Content Analysis. REKA 2021</p> <p>8. COVID-19 Framework on Human Capital Development of Single Mothers in Kelantan, Malaysia. RENPER 2021</p> <p>9. Memorable Digital Content Of Chinese Culture Heritage Through The Development Of 3d Motion Graphics On Chopsticks Taboos. ICDISST 2nd International Conference on Design Innovation, Social Science &amp; Technology (ICDISST 2021)</p>

4.	Book	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>W. A. Amir Zal</b>, Hafizi M. S., Siti Asma R., Nurhanan, A. R., Tengku Fauzan, T. A. &amp; Azwan, A. (2021). Pemetaan Komuniti Nelayan di Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tok Bali, Pasir Puteh. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan. ISBN 978-967-2912-90-3</li> <li>2. <b>Tengku Fauzan Tengku Anuar</b> &amp; Nurfazirah Shamsudin. (2021). Kampung Adventure with SARAH &amp; ALI: "Know and learn Malaysian Traditional Food Packaging Technique" Read, Learn &amp; Play with Augmented Reality (AR). UMK Press 2021, ISBN 978-967-2912-07-1</li> </ol>
5.	Chapter in Book	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>W. A. Amir Zal</b> (2021). Development Approaches for the Orang Asli Laut As An Indicator of 'Leaving No One Behind?'. In Alizan Mahadi &amp; Nazran Zhafri, Making SDGs Matter: Leaving No One Behind (p.g. 52-68). Malaysia: The Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia and the Konrad Adenauer Stiftung (KAS). ISBN: 978-967-947-319-3.</li> </ol>
6.	Keratan Akhbar	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Azwan Abdullah</b>, Berita Harian (29 Mei 2021), Pengurusan kewangan berhemat sokong capai matlamat WKB 2030</li> <li>2. <b>Azwan Abdullah</b>, Kosmo (11 Jun 2021), Kawal wang dengan baik</li> <li>3. <b>Azwan Abdullah</b>, Harian Metro (21 Julai 2021), Umpama vaksin tiga serangkai: Inisiatif pakej pemulihan sinonim dengan memulihkan kewangan, emosi serta kesejahteraan rakyat</li> <li>4. <b>W. A. Amir Zal</b>, Bernama (31 Mei 2021), Merealisasikan Imuniti Kelompok melalui Gerakan Komuniti</li> <li>5. <b>W. A. Amir Zal</b>, Berita Harian (5 Jun 2021), Gerakan Komuniti Bantu Percepat Imuniti Kelompok</li> </ol>
7.	Lain-lain penerbitan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Abdullah, A., Salleh, M. Z. M., Zakaria, M. N., Zal, W. A., <b>Anuar, T. F. T.</b>, &amp; Rahman, N. A. (2021). Zakat in Business as Economic Catalyst For Ummah: Issues And Challenges Among Muslim Entrepreneur.</li> <li>2. Hashim, N. A., Muhammad, S. A., <b>Tengku Anuar, T. F.</b>, Saidin, M. M., Narayanan, S., Shuhaimi, N. F. (2021). Analisis Kerosakan Struktur Kubu Peperangan Di Jalan Tok Hakim, Kota Bharu, Kelantan. International Journal of Heritage, Art and Multimedia (IJHAM). Volume 4 Issue 15 (December 2021) PP. 61-70. DOI 10.35631/IJHAM.415005</li> <li>3. SAARI, F. A., ISMAIL, W. A. A. Z. W., &amp; <b>ANUAR, T. F. T.</b> (2021). Implikasi Covid-19 Terhadap Kemiskinan Kanak-Kanak. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT), 9(1), 126-133.</li> <li>4. ZAHAR, I., SETIAWAN, K., &amp; <b>ANUAR, T. F. T.</b> (2021). Taxonomy Of Photo Categories. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT), 9(2), 109-127.</li> <li>5. ZAKI, M. Z. M., <b>ANUAR, T. F. T.</b>, HAPIZ, H. Y., RAK, A. E., &amp; AB RAHIM, Z. U. L. K. I. F. L. I. (2021). Kesan Mengokok Kepada Postur Ergonomics: Kajian Kes Pengokok Etak Warisan Di Kelantan, Malaysia. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT), 9(2), 128-142.</li> </ol>

## HAK CIPTA InsPeK

BIL	PERKARA	TAHUN
1.	Pemetaan Komuniti Jeli dan Tanah Merah, Kelantan	2021
2.	Pemetaan Komuniti Bateq Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan	2021
3.	Pemetaan Potensi Komuniti Untuk Makmal Jaringan Sosial (SNL) Di Projek Penempatan Masyarakat Setempat (PPMS), Kampung Pohon Nenasi, Telong Bachok Kelantan	2021
4.	Pemetaan Potensi Komuniti Untuk Makmal Jaringan Sosial (SNL) Di Perkampungan Desa Alam Shah, Pasir Puteh Kelantan	2021
5.	Kajian Kebolehlaksanaan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) Di Jeli, Kelantan	2021
6.	Pemetaan Potensi Komuniti Untuk Makmal Jaringan Sosial Perkampungan Baharu Nelayan, Tok Bali, Pasir Puteh	2021
7.	Pemetaan Potensi Peserta Yayasan Sejahtera di Tawang, Bachok Kelantan	2021
8.	Pemetaan Potensi Komuniti Nelayan Kelantan	2021
9.	Pembentukan Identiti Baharu Siswapreneur B40 UMK Melalui Ekosistem Keusahawanan Sosial Yang Direka Bentuk Semula	2021
10.	Pemetaan Potensi Komuniti Untuk Makmal Jaringan Sosial Orang Asli Sungai Rual	2021
11.	Pemetaan Komuniti Orang Asli di Pos Hau, Gua Musang, Kelantan	2021
12.	Pemetaan Ekosistem Wali Dan Kerabat Komuniti Miskin Di Kampung Demit, Kota Bharu, Kelantan	2021
13.	Pro Forma Modul Keusahawanan Bagi Program Pemindahan Ilmu InsPeK	2021
14.	Pemetaan Kemiskinan 360°	2021
15.	DNA Literasi Kewangan Peribadi Menerusi Aplikasi i-KFC	2021
16.	Logo korporat Partnership	2021
17.	Model Impak Covid-19 ke atas Kemiskinan Situasi (Situational Poverty) dan Pendayaupayaan Ekonomi (Empowerment) Ibu Tunggal di Kelantan	2021
18.	Logo "ikke lunak"	2021



**Perbezaan Hak Cipta InsPeK bagi Tahun 2020 dan 2021**

## AKTIVITI / PROGRAM


### PENYELIDIKAN BERIMPAK DI BAWAH INSPEK

#### PROJEK AYAM KAMPUNG KACUK (AKK) DI PUSAT PEMULIHAN ORANG KURANG UPAYA, KG AUR TELONG, BACHOK, KELANTAN


Projek Ayam Kampung Kacuk (AKK) di Pusat Pemulihan Orang Kurang Upaya, Kg Aur Telong, Bachok, Kelantan merupakan inisiatif Fakulti Perubatan Veterinar, Institut Penyelidikan & Pengurusan Kemiskinan (INSPEK), Universiti Malaysia Kelantan dan Majlis Pemulihan Negeri Kelantan (MPNK). Projek ini telah menerima dana sebanyak RM 99,800.00 daripada Permodalan Nasional Berhad. Projek ini mensasarkan latihan teori dan praktikal berkaitan pengurusan projek AKK kepada golongan OKU. Selain itu, program ini mensasarkan penambahbaikan taraf sosioekonomi dan jatidiri peserta yang terlibat bagi membolehkan mereka berdikari dan keluar dari masalah kemiskinan. Projek ini bermula pada bulan Mac 2021 sehingga Februari 2022.

Seramai sembilan (9) orang peserta telah dikenalpasti oleh pihak MPNK bagi kumpulan pertama projek ini. Peserta telah diberi latihan melalui kursus penternakan AKK yang telah dibahagikan kepada 5 modul iaitu;

- Modul 1: Pengurusan anak ayam
- Modul 2: Pengurusan pembesaran ayam
- Modul 3: Pengurusan sembelihan



#### PEMERKASAAN PERUSAHAAN SOSIAL KUMPULAN WANITA NELAYAN (KUNITA) MELALUI PEMROSESAN IKAN LUNAK



Pemeriksaan Perusahaan Sosial Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) Melalui Pemprosesan Ikan Lunak adalah melibatkan 11 orang peserta di Penempatan Semula Nelayan Tok Bali, Pasir Puteh. Bajet yang diluluskan untuk program ini adalah sebanyak RM82,700.00. Bajet ini melibatkan pembelian peralatan bagi pelaksanaan pemprosesan Ikan Lunak. Selain dari produk Ikan Lunak, terdapat dua (2) produk lain yang dikeluarkan oleh mereka iaitu Pes Segera dan juga Lunak Rolls. Projek ini bermula dari Mac 2021 sehingga Februari 2022.

## BANTUAN SEWA RUMAH PELAJAR ASNAF UMK (TERATAKCAKNA@PNB)

Program ini merupakan kerjasama antara InsPeK dan juga Pusat Islam, UMK. Masalah ekonomi keluarga merupakan salah satu punca penyebab pelajar universiti tercicir daripada pengajian akibat kesempitan hidup. Berita Harian yang diterbitkan pada 17 Mac 2019 memaparkan beberapa orang pelajar sebuah universiti mencatu makanan harian dan bersesak-sesak menyewa kediaman bersama kawan-kawan demi kelangsungan hidup di universiti memandangkan kos sara hidup yang tinggi. Kisah realiti pelajar tersebut juga dirasai oleh pelajar Universiti Malaysia Kelantan dalam katogeri pendapatan isi rumah terendah dalam kumpulan B40. Sehubungan dengan itu, satu inisiatif telah diambil bagi mengurangkan beban pelajar iaitu pemberian bantuan perumahan pelajar asnaf "TeratakCakna@PNB" kepada pelajar kategori terendah dalam kumpulan B40 bagi mengurangkan beban kewangan pelajar tersebut.

## BANK RAKYAT - INSPEK UMK PERUSAHAAN SOSIAL DIGITAL ASNAF KELANTAN

Program ini memfokuskan kepada pembinaan kapasiti usahawan perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) asnaf berasaskan pertanian fertigasi, pemerksaan dari aspek insan, sosial dan ekonomi PKS asnaf, perubahan *mindset* PKS Asnaf untuk mempunyai pandang hidup yang lebih positif dan mengubah kehidupan serta pembinaan kapasiti berkaitan penggunaan teknologi dalam keusahawanan digital. Program ini dirancang untuk membantu golongan asnaf yang terlibat dalam PKS secara bersasar bagi membantu mereka keluar dari rantaian kemiskinan generasi. Kemudian mampu membina kelompok usahawan tani yang boleh berdikari pada masa hadapan dengan kerjasama Bank Rakyat sebagai rakan strategik InsPeK UMK. Program ini dilaksanakan berasaskan empat (4) modul utama yang dibentuk oleh pakar dari UMK. Berikut adalah modul yang akan dilaksanakan (i) Modul 1 (Teras): Perusahaan berasaskan pertanian fertigasi, (ii) Modul 2: Pendidikan sepanjang hayat (perusahaan sosial dan sahsiah), (iii) Modul 3: Neuro-linguistic programming (NLP) dan (iv) Modul 4: Keusahawanan digital. Program ini melibatkan seramai 30 orang peserta.

## AGROBANK - PROGRAM PEMERKASAAN KAPASITI KUMPULAN WANITA NELAYAN TOK BALI UNTUK PENINGKATAN PENGELUARAN PRODUK IKAN LUNAK

InsPeK telah menerima dana sebanyak RM37,200.00 di bawah Agrobank bagi Program Pemerksaan Kapasiti Kumpulan Wanita Nelayan Tok Bali Untuk Peningkatan Pengeluaran Produk Ikan Lunak. Pihak Agrobank telah mengadakan bengkel kepada peserta program. sebanyak tujuh (7) modul telah dilaksanakan iaitu (i) Pengenalan ke arah Persijilan Halal, (ii) Pengenalan Halal (Halal Awareness), (iii) Peningkatan reka bentuk pembungkusan, (iv) Strategi reka bentuk pembungkusan & pengiklanan dan promosi (v) Pemasaran Produk Menggunakan Teknik Zero Kos (termasuk "Coaching + Monitoring selama 3 bulan), (iv) Asas Perniagaan - Business Model Canvas, Pengurusan Kewangan dan Perniagaan dan bengkel pemprosesan Ikan Lunak. Projek ini telah dilaksanakan bermula November 2021 sehingga November 2022.



## KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA (APPGM) - PROJEK PENGEMBANGAN PERUSAHAAN CENDAWAN TIRAM KELABU DI PERKAMPUNGAN

Projek ini adalah melibatkan peserta Orang Asli di Sungai Rual Jeli. Projek ini merupakan projek Pengembangan Perusahaan Cendawan Tiram kelabu di Perkampungan Orang Asli, Sungai Rual, Jeli. Projek ini telah dilaksanakan bermula November 2021 hingga April 2022. Antara modul yang diajar adalah berkaitan Penghasilan Bongkah Cendawan di Perkampungan Sg. Rual, Jeli. Orang Asli Sg. Rual, Jeli, Kelantan tidak mempunyai pendapatan tetap selain meneruskan kelangsungan hidup dengan cara tradisional mereka seperti menangkap ikan di sungai, mengutip hasil hutan malah terlalu sedikit mempunyai ladang sendiri untuk diusahakan. Ini kerana projek perusahaan tiram kelabu adalah satu projek yang tidak sukar dilaksanakan malah ianya menggunakan konsep tanam, tinggal dan tuai. Ini kerana masa yang diperlukan untuk menuai hasil adalah singkat sahaja jika menggunakan bongkah yang telah matang. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kelangsungan projek ini, pihak UMK mengambil inisiatif untuk mengembangkan kepada penghasilan bongkah cendawan tiram kelabu sendiri supaya ianya dapat mengurangkan kos pembelian bongkah untuk setiap musim selain ianya dapat dijual kepada pengusaha tiram kelabu seluruh Malaysia amnya. Dengan adanya bengkel penghasilan bongkah cendawan ini, ianya dapat mengurangkan kos bongkah yang tercemar selain dapat menghasilkan cendawan yang lebih berkualiti.

Antara objektif program ini adalah:

- i. Menjadikan Sungai Rual sebagai hub pengeluaran cendawan tiram dan bongkah yang berkualiti.
- ii. Menambah pendapatan masyarakat/ belia Orang Asli
- iii. Menghasilkan produk hiliran dari cendawan tiram kelabu.
- iv. Menghasilkan kopos dari bingkah terpakai untuk dijadikan media tanaman.



## PROGRAM UNIPRENEUR



Program UNIPreneur merupakan satu program yang dianjurkan oleh pihak Bank Rakyat kepada peserta yang dipilih dari Universiti terpilih. UMK melalui Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) telah dipilih sebagai medium bagi program ini. Bank Rakyat telah menyalurkan dana sebanyak RM20,000.00 kepada 10 orang Pelajar UMK yang telah terpilih untuk terlibat dalam program ini. Peserta yang terlibat dalam program ini perlulah mempunyai produk/perkhidmatan. Setiap peserta akan menerima dana sumbangan sebanyak RM2,000.00/orang untuk digunakan bagi membangunkan perniagaan mereka.

## PROGRAM I-BANGKIT BERSAMA BANK ISLAM

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menjadi Universiti Awam (UA) pertama di Malaysia berkolaborasi dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) bagi pelaksanaan Program Pembiayaan Mikro Bangkit termasuklah inisiatif – inisiatif kewangan sosial Bank Islam. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMK dan Bank Islam Malaysia Berhad telah berlangsung di American Corner, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, UMK Bachok pada 21 Mac 2021. Majlis menandatangani MoU telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato’ Ts. Dr. Noor Azizi Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, En. Mohd Muazzam Mohamed. Kerjasama itu turut disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob dan Pengurus Besar Hubungan Strategik Bank Islam Malaysia Berhad, Ustaz Mohd Nazri Chik. Melalui MoU ini, satu taklimat telah diadakan bersama komuniti di Kampung Geting, Tumpat pada 08 Disember 2021. Pihak InsPeK bersama Bank Islam telah mengadakan Program Change Maker melalui I-Bangkit. Program ini adalah bertujuan menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada komuniti Asnaf yang terlibat dalam perniagaan untuk membantu mereka mengembangkan perniagaan. Had pinjaman maksimum adalah sebanyak RM20,000.00.



## PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN BERSEPADU KOMUNITI CICIR MISKIN SABAH DI PUSAT PEMBANGUNAN MINDA INSAN (PPMI)



Program ini memfokuskan kepada pendidikan asas dan penguasaan kemahiran 3M dan pengurusan sendiri, membangunkan potensi dan kompetensi diri komuniti cicir dan menerapkan nilai patriotisme serta keteguhan jati diri supaya melahirkan masyarakat yang harmoni dalam kalangan komuniti cicir di Sabah. Objektif program ini adalah untuk membantu pihak kerajaan dan yang berkaitan dalam pembangunan modal insan lestari khususnya dalam kalangan etnik minoriti Bajau Laut (Pala’u) dan komuniti terpinggir dan terpinggir serta kumpulan-kumpulan lain yang tidak mempunyai akses kepada pendidikan aliran perdana dan jarang mendapat perhatian khusus. Melalui program ini peserta yang disasarkan akan:

- i) Memperolehi pendidikan asas dan menguasai kemahiran 3M dan kemahiran pengurusan sendiri.
- ii) Mengenali dan berpeluang membangunkan potensi dan kompetensi diri.
- iii) Memahami dan membangunkan patriotisme dan keteguhan jati diri
- iv) Menjadi masyarakat yang harmoni dan berdikari serta bebas masalah sosial dan imej negatif

## PEMBINAAN SISTEM SOLAR DILENGKAPI DENGAN SISTEM PEMANTAUAN PRESTASI SOLAR DI SURAU KAMPUNG SAWAI DARO SARAWAK


Kampung Sawai terletak di pinggir sungai Sawai dan termasuk di daerah dalam daerah Daro Sarawak. Kampung tersebut mempunyai sebuah sekolah (Sekolah Kebangsaan Kampung Sawai), dengan jumlah pelajar seramai 101 orang dan mempunyai guru seramai 13 orang. Kaedah pengangkutan utama penduduk kampung adalah pengangkutan air menggunakan bot dan sampan. Kebanyakan penduduk di sini adalah beragama Islam dan mempunyai sebuah surau berdekatan sekolah tersebut. Namun, surau tersebut tidak mempunyai sebarang sambungan kepada mana-mana grid elektrik, menyukarkan penduduk setempat untuk beribadat, terutamanya pada waktu malam dan subuh. Dengan adanya sistem solar ini, di harapkan penduduk setempat dapat menggunakan surau dalam keadaan yang lebih selesa tanpa mengira waktu dan kekangan ketiadaan sumber elektrik. Sistem solar berkenaan akan dapat menampung keperluan elektrik di surau tersebut untuk penduduk setempat. Selain itu, memandangkan sistem solar ini akan dilengkapi dengan sistem pemantauan jarak jauh, pihak UNIMAS dan UMK akan dapat memantau prestasi sistem solar secara terus dari UNIMAS, tanpa perlu berada di Kampung Sawai secara fizikal.

Projek ini bertujuan membina sistem solar bagi menambah-baik keadaan surau Kampung Sawai kepada penduduk setempat. Projek ini dijangkakan akan memudahkan pelajar Muslim di sekolah berdekatan menjalankan aktiviti KAFA dengan lebih baik dan selesa



## PEMBINAAN SISTEM BEKALAN AIR BERSIH KEPADA PENDUDUK KAMPUNG UBAH GAYAU SRI AMAN SARAWAK

